A

Pendakwa Raya lwn Yong Choo Kiong

B

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — BICARA JENAYAH NO AA-45-2–12 TAHUN 2020
ABDUL WAHAB H
5 SEPTEMBER 2022

C

Undang-Undang Jenayah — Kesalahan — Rogol — Tertuduh dituduh dengan kesalahan merogol di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan — Sama ada elemen-elemen s 376(1) Kanun Keseksaan berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan — Sama ada kes pendakwaan tergugat atau tercabar — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh — Sama ada pembelaan tertuduh adalah penafian semata-mata dan fikir semula — Sama ada mangsa mereka-reka cerita terhadap tertuduh — Sama ada wujud muslihat politik — Sama ada pembelaan menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan — Kanun Keseksaan s 376(1)

D

E

Tertuduh telah dituduh dengan pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan iaitu kesalahan merogol mangsa iaitu seorang perempuan warganegara Indonesia yang bernama Awang ('SP15'). SP15 diambil bekerja sebagai pembantu rumah di rumah tertuduh di Meru Desa Park, Ipoh. Pada hari kejadian, jam lebih kurang 8 malam, SP15 sedang menggosok baju di dalam sebuah bilik apabila tertuduh datang ke bilik tersebut. Tertuduh telah menutup tirai lalu menarik tangan SP15 pergi menuju ke katil dan seterusnya menjatuhkan SP15 dan cuba menindihnya. SP15 mencuba untuk melepaskan diri namun tidak berjaya. Tertuduh memegang kedua-dua tangan SP15, membuka seluar SP15 dan memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP15. Apabila tertuduh melepaskan kedua-dua tangan SP15, SP15 melarikan diri dengan menolak tertuduh dan masuk ke dalam tandas. Setelah menenangkan diri dan mencuci kemaluannya, SP15 keluar dari tandas dan terpijak sesuatu yang melekit dipercayai air mani tertuduh. Keesokan harinya, SP15 menghubungi Kedutaan Indonesia dan panggilannya dijawab oleh SP3. Dalam keadaan panik, ketakutan dan menangis SP15 memberitahu SP3 bahawa dirinya telah dirogol oleh majikannya. SP3 menyuruh SP15 pergi ke balai polis. SP15 telah keluar dari rumah tersebut dan apabila tiba di jalan utama, SP15 melambai ke arah kenderaan yang dipandu oleh SP16. SP15 meminta SP16 menghantarnya ke Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur tetapi SP16 tidak dapat menghantar SP15 ke sana. SP16 membawanya ke terminal teksi tetapi SP15 tidak mahu turun. Selepas berulang kali ditanya oleh SP16, SP15 dalam keadaan cemas, ketakutan, sedih dan menangis memberitahu dia telah diperkosa oleh majikannya. SP16 membawa SP15 ke balai polis dan SP15 membuat laporan polis.

F

G

H

I

Diputuskan, mensabitkan tertuduh dengan kesalahan sebagaimana pertuduhan; dan menjatuhkan hukuman penjara 13 tahun dan dua sebatan:

(1) Keterangan-keterangan SP15 jelas menunjukkan bahawa dalam keadaan tertuduh menindihnya dan memegang kedua-dua tangannya, tiada benda lain termasuk jari atau tangan tertuduh yang mungkin keluar masuk ke dalam kemaluan SP15 pada ketika itu yang menyebabkan dia merasa sakit melainkan adalah hanya kemaluan tertuduh. Terdapat keterangan sokongan yang boleh menyokong keterangan SP15. Hasil pemeriksaan doktor pakar O&G ('SP5') menyokong keterangan SP15 bahawa kemasukan kemaluan tertuduh dan geseran pada kemaluan SP15 berlaku. Seterusnya, laporan polis SP15 yang dibuat segera oleh SP15 sendiri iaitu kurang 24 jam selepas kejadian, konsisten dengan keterangan utama SP15. Selain itu, keterangan SP3 dan SP16 yang mendengar SP15 mengadu kepada mereka tentang perbuatan tertuduh sebaik sahaja kejadian itu berlaku (kurang 24 jam dari masa kejadian) boleh menyokong keterangan SP15. Berdasarkan fakta yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan keterangan-keterangan, kejadian kemasukan kemaluan tertuduh ke dalam kemaluan SP15 telah berlaku. Oleh itu, elemen pertama telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan (lihat perenggan 33, 39, 42, 44, 47 & 51).

(2) SP5 mengesahkan bahawa koyakan baru pada kemaluan SP15 boleh berlaku dalam tempoh yang singkat secara paksa dan ganas. Kesemua tindak-tanduk SP15 sebelum dan selepas kejadian adalah relevan bawah s 8 Akta Keterangan 1950 dan merupakan keterangan sokongan yang kuat untuk menyokong keterangan SP15 khususnya, bahawa tertuduh telah merogol SP15 dan SP15 tidak rela dengan perbuatan tersebut. Keterangan SP3 dan SP16 adalah bahawa SP15 menangis dan berada dalam keadaan panik, cemas, takut dan sedih. Selain itu, keterangan SP16 mengesahkan bahawa SP15 kelihatan cemas, ketakutan, sedih dan menangis semasa SP15 meminta pertolongan daripadanya. Manakala SP3 yang menerima aduan daripada SP15 pula mengesahkan bahawa beliau mendengar SP15 bercakap dalam keadaan panik dan menangis semasa menceritakan dirinya dirogol. Keadaan SP15 yang dilihat cemas, ketakutan, sedih dan menangis juga boleh diterima sebagai keterangan sokongan bagi mengesahkan kejadian yang berlaku itu dan turut menunjukkan adanya faktor tidak rela terhadap kejadian tersebut. Oleh itu, elemen kedua juga telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan (ihat perenggan 53 & 56–59).

(3) Dalam kes rogol ianya bukan satu keperluan undang-undang untuk mengemukakan keterangan forensik yang menunjukkan adanya DNA atau air mani tertuduh pada mangsa, pakaian atau di tempat kejadian untuk pembuktian elemen kemasukan kemaluan tertuduh dalam kemaluan mangsa. SP15 adalah seorang saksi kredibel dan

keterangannya adalah meyakinkan. Malah, keterangannya disokong oleh keterangan SP5 dan juga disokong oleh keterangan saksi-saksi yang lain termasuk keterangan dokumen. Oleh yang demikian, walaupun tanpa bukti DNA atau forensik secara amnya, elemen kemasukan kemaluan tertuduh telah dibuktikan dengan berdasarkan kepada keterangan mangsa iaitu SP15 dan juga keterangan-keterangan sokongan. Tidak semestinya semua mangsa kes rogol akan mengalami kecederaan dan ketiadaan kecederaan pada mangsa rogol tidak semestinya menunjukkan kejadian rogol tidak berlaku. Walaupun isteri tertuduh ('SD2') tinggal di rumah tersebut, SD2 tidak berada di tempat kejadian melalui keterangan closed-circuit television ('CCTV'). Selain itu, tiada apa-apa keterangan yang kukuh boleh mengaitkan kejadian ini dengan konspirasi politik yang disiasat oleh ASP Masliza sebagaimana yang didakwa oleh pembelaan. Oleh itu, kes pendakwaan tidak tergugat walaupun tanpa kedua-dua penama ini dipanggil dan anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh dikenakan atas pihak pendakwaan. Percanggahan keterangan saksi-saksi adalah tidak material dan bersifat percanggahan kecil kerana ianya tidak menjejaskan keterangan SP3, SP5, SP15 dan SP16 berkenaan elemen-elemen pertuduhan dan keterangan sokongan yang ada. Malah, terdapat penjelasan oleh saksi-saksi pendakwaan tentang kenapa perbezaan keterangan itu berlaku. Adanya percanggahan yang kecil itu menunjukkan saksi-saksi berkata benar dan tidak mereka-reka keterangan mereka. Ini kerana di dalam setiap kes pastinya wujud sedikit percanggahan. Justeru itu, pembelaan-pembelaan yang diketengahkan oleh tertuduh di peringkat kes pendakwaan tidak berjaya menggugat atau mencabar kepercayaan mahkamah terhadap keterangan-keterangan dan fakta yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan (lihat perenggan 64, 66, 68, 70–71, 73, 75 & 78).

(4) Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh sebagaimana pertuduhan. Sehubungan dengan itu, tertuduh dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan tersebut (lihat perenggan 80).

(5) Rakaman CCTV di pondok pengawal keselamatan Meru Desa Park jelas menunjukkan bahawa kenderaan yang dipandu oleh kawan tertuduh ('SP22') telah terlebih dahulu meninggalkan kawasan rumah tertuduh sebelum kenderaan yang dinaiki oleh SD2 keluar dari kawasan rumah tertuduh. Oleh yang demikian, pembelaan tertuduh yang mengatakan kejadian rogol ke atas SP15 tidak mungkin berlaku kerana pada masa tersebut SP22 masih berada di rumah tertuduh adalah tidak boleh dipercayai dan merupakan penafian semata-mata. Ketiadaan SP22 di rumah tertuduh pada tempoh masa kejadian telah dibuktikan melalui keterangan SP22 sendiri yang disokong dengan keterangan CCTV dan tidak dapat disangkal oleh keterangan tertuduh dan SD2. Pembelaan

tertuduh ini tidak lain hanyalah satu pembelaan fikir semula dan juga merupakan suatu keadaan yang disifatkan sebagai ciptaan baru (lihat perenggan 119–120 & 127).

(6) Tiada apa-apa keterangan di pihak pembelaan yang boleh menunjukkan SP15 mereka-reka cerita konon dirinya dirogol untuk balik ke negara asalnya. Malah, keterangan saksi-saksi pembelaan menunjukkan keadaan sebaliknya. SD2 dalam keterangannya mengesahkan bahawa SP15 melakukan telah kerja-kerja yang diarahkan dengan baik dan SD2 sendiri tidak pernah membuat aduan pada agensi mengenai masalah dengan tugas yang diberikan kepada SP15. Dalam keadaan ini, adalah tidak munasabah untuk mengatakan SP15 tidak gembira dengan kerjanya melainkan ada faktor lain yang mendorong SP15 bertindak secara tiba-tiba menghubungi Kedutaan Indonesia untuk meminta bantuan. Seterusnya, keterangan adik ipar ibu SP15 ('SD3') yang mengesahkan bahawa SP15 dilihat dalam keadaan menangis telah memberitahunya bahawa dia ingin pulang ke negaranya kerana terdapat orang jahat, telah menyokong kes pendakwaan bahawa SP15 sememangnya ingin pulang ke Indonesia atas sebab kejadian rogol tersebut. SP15 adalah seorang saksi yang berkredibel, jujur dan bercakap benar. Keterangan beliau ini adalah konsisten, kukuh, probabel dan boleh dikatakan sebagai 'unusually convincing' sehinggalah ada keterangan lain yang boleh menunjukkan sebaliknya. Keterangannya boleh berdiri dengan sendirinya tanpa perlunya keterangan sokongan. Oleh itu, pembelaan tertuduh yang mengatakan bahawa SP15 sengaja mereka-reka cerita bahawa dirinya telah dirogol adalah disebabkan kerana SP15 ingin pulang ke negara asalnya didapati tidak berasas dan tidak dapat diterima oleh mahkamah (lihat perenggan 130–132, 134 & 136–137).

(7) Satu laporan polis telah dibuat oleh Dato Ngeh Koo Ham yang mengatakan bahawa orang yang membawa SP15 ke balai polis iaitu SP16 telah diacukan pistol dan diberikan wang sebanyak RM100,000. SP16 dalam keterangannya telah menegaskan bahawa beliau telah difitnah dan menafikan perkara tersebut. Apa yang terkandung dalam laporan polis itu tidak dibuktikan kebenarannya dan oleh itu, kandungan laporan polis itu tidak mempunyai merit dan merupakan keterangan dengar cakap semata-mata. Tiada juga secebis keterangan pun yang boleh menunjukkan bahawa SP15 dan SP16 telah mengenali antara satu sama lain dan merancang bersama-sama untuk mengenakan tertuduh. Tiada juga apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa SP15 ada berhubung dengan pihak luar atau pihak yang tidak dikenali sepanjang bekerja dengan tertuduh. Adalah tidak munasabah untuk mengatakan SP15 berpakat dengan SP16 atau musuh politik tertuduh sedangkan SP15 disahkan tidak pernah dilihat bergaul dengan orang yang tidak dikenali. Walaupun tertuduh menyatakan beliau mempunyai musuh

yang dipercayai terlibat dalam muslihat politik demi menjatuhkannya, namun tertuduh beliau tidak memberikan apa-apa bukti atau maklumat berkenaan hal tersebut. Malah, tiada apa-apa keterangan dikemukakan yang boleh mengaitkan mana-mana individu yang dikatakan sebagai musuh politiknya itu dengan SP15 (lihat perenggan 138–142 & 144–145).

(8) Tiada apa-apa keterangan di pihak pembelaan yang boleh menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (lihat perenggan 148).

[English summary

The accused had been charged under s 376(1) of the Penal Code, which was the offense of raping the victim, an Indonesian woman named Awang ('SP15'). SP15 was employed as a maid in the accused's house in Meru Desa Park, Ipoh. On the day of the incident, at approximately 8pm, SP15 was ironing clothes in a room when the accused came to the room. The accused closed the curtains and pulled SP15's hand towards the bed and then knocked SP15 down and tried to be on top of her. SP15 tried to escape but was unsuccessful. The accused held SP15's both hands, took off SP15's pants and inserted his penis into SP15's vagina. When the accused let go of SP15's hands, SP15 ran away by pushing the accused and went into the toilet. After calming down and washing her vagina, SP15 came out of the toilet and stepped on something sticky, believed to be the accused's semen. The next day, SP15 contacted the Indonesian Embassy and her call was answered by SP3. In a state of panic, fear and crying, SP15 told SP3 that she had been raped by her employer. SP3 told SP15 to go to the police station. SP15 left the house and when she arrived at the main road, SP15 waved towards the vehicle driven by SP16. SP15 asked SP16 to send her to the Indonesian Embassy in Kuala Lumpur but SP16 could not send SP15 there. SP16 took her to the taxi terminal but SP15 did not want to get off. After being repeatedly asked by SP16, SP15 in a state of anxiety, fear, sadness and crying told that she had been raped by her employer. SP16 took SP15 to the police station and SP15 filed a police report.

Held, convicting the accused with the offence as per charge; and sentencing him to 13 years imprisonment and two strokes of whipping:

(1) SP15's evidence clearly showed that in the situation where the accused was on top of her and holding both of her hands, nothing else, including the accused's fingers or hands, could have entered SP15's vagina at that time which caused her to feel pain unless it was only the accused's penis. There was supporting evidence that could support SP15's evidence. The results of the O&G expert doctor's examination ('SP5') supported SP15's evidence that the penetration of the accused's penis and friction on SP15's vagina took place. Next, SP15's police report made immediately by SP15 herself, which was less than 24 hours after the incident, was

consistent with SP15's main evidence. In addition, the evidence of SP3 and SP16 who heard SP15 complained to them about the accused's actions as soon as the incident occurred (less than 24 hours from the time of the incident) could support SP15's evidence. Based on the facts presented by the prosecution and the evidence, the incident of the penetration of the accused's penis into the vagina of SP15 had occurred. Therefore, the first element had been successfully proved by the prosecution (see paras 33, 39, 42, 44, 47 & 51).

(2) SP5 confirmed that a new tear on SP15's genitals could occur in a short period of time by force and violence. All of SP15's actions before and after the incident were relevant under s 8 of the Evidence Act 1950 and were strong supporting evidence to support SP15's evidence in particular, that the accused had raped SP15 and SP15 did not consent with the incident. The evidence of SP3 and SP16 was that SP15 was crying and in a state of panic, anxiety, fear and sadness. In addition, SP16's evidence confirmed that SP15 looked anxious, scared, sad and crying when SP15 asked for help. While SP3 who received the complaint from SP15 confirmed that he heard SP15 talking in a state of panic and crying while talking about herself being raped. SP15's state of being anxious, scared, sad and crying could also be accepted as supporting evidence to confirm the incident and also showed that there was a factor of no consent towards the incident. Therefore, the second element had also been successfully proved by the prosecution (see paras 53 & 56–59).

(3) In the case of rape, it was not a legal requirement to submit forensic evidence that showed the presence of DNA or semen of the accused on the victim, clothes or at the scene of the incident to prove the element of penetration of the accused's penis into the victim's vagina. SP15 was a credible witness and her evidence was convincing. In fact, her evidence was supported by the evidence of SP5 and also supported by the testimony of other witnesses including document evidence. Therefore, even without the DNA or forensic evidence in general, the element of penetration of the accused's penis had been proven based on the evidence of the victim, SP15, as well as supporting evidence. It was not necessary that all victims of rape cases would suffer injuries and the absence of injuries on rape victims did not necessarily indicate that rape did not occur. Although the accused's wife ('SD2') lived in the house, SD2 was not at the scene through closed-circuit television ('CCTV') evidence. Moreover, there was no solid evidence to link this incident to the political conspiracy investigated by ASP Masliza as claimed by the defence. Therefore, the prosecution's case was not vitiated even without these two names being called and the adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950 could not be imposed on the prosecution. The discrepancies in the evidence of the witnesses were not material and were of a minor nature because they did not affect the evidence of SP3, SP5,

SP15 and SP16 regarding the elements of the charge and the available supporting evidence. In fact, there was an explanation by the prosecution witnesses as to why the difference in evidence occurred. The existence of the small discrepancy showed that the witnesses were telling the truth and not fabricating their evidence. This was because in each case there was definitely a slight discrepancy. Therefore, the defences put forward by the accused at the stage of the prosecution's case did not succeed in vitiating or challenging the court's belief in the evidence and facts presented by the prosecution witnesses (see paras 64, 66, 68, 70–71, 73, 75 & 78).

(4) The prosecution had succeeded in proving a prima facie case against the accused as charged. Accordingly, the accused was called to enter defence on the charge (see para 80).

(5) The CCTV footage at the Meru Desa Park security guardhouse clearly showed that the vehicle driven by the accused's friend ('SP22') had first left the area of the accused's house before the vehicle driven by SD2 left the area of the accused's house. Therefore, the accused's defence that the rape of SP15 could not have happened because at that time SP22 was still at the accused's house was not credible and was a mere denial. The absence of SP22 at the accused's house during the time period of the incident had been proven through SP22's own evidence which was supported by CCTV evidence and could not be rebutted by the evidence of the accused and SD2. The accused's defence was nothing but an afterthought defence and was also a situation described as a recent invention (see paras 119–120 & 127).

(6) There was no evidence from the defence that could show that SP15 made up the story that she was raped in order to return to her country. In fact, the evidence of the defence witnesses showed the opposite. SD2 in her testimony confirmed that SP15 did the work she was instructed to do well and SD2 herself never complained to the agency about problems with the tasks assigned to SP15. In this situation, it was not reasonable to say that SP15 was not happy with her work unless there were other factors that prompted SP15 to suddenly contact the Indonesian Embassy to ask for help. Next, the evidence of SP15's mother's brother-in-law ('SD3') who confirmed that SP15 was seen crying and told him that she wanted to return to her country because there were bad people, supported the prosecution's case that SP15 indeed wanted to return to Indonesia because of the rape incident. SP15 was a credible, honest and truthful witness. Her evidence was consistent, strong, probable and could be said to be 'unusually convincing' until there was other evidence that could show otherwise. The evidence could stand on its own without the need for supporting evidence. Therefore, the defence of the accused who said that SP15 deliberately fabricated the story that she had been raped because SP15 wanted to return to her country was found to be baseless

and unacceptable to the court (see paras 130–132, 134 & 136–137).

(7) A police report was made by Dato Ngeh Koo Ham who said that the person who brought SP15 to the police station, namely SP16, was held at gunpoint and given RM100,000. SP16 in his evidence had confirmed that he had been slandered and denied the matter. What was contained in the police report had not been proved to be true and therefore, the content of the police report had no merit and was a mere hearsay evidence. There was not a shred of evidence to show that SP15 and SP16 knew each other and planned together to frame the accused. There was also no evidence to show that SP15 was in contact with outside parties or unknown parties while working with the accused. It was not reasonable to say that SP15 conspired with SP16 or the accused's political enemies when it was confirmed that SP15 was never seen associating with strangers. Although the accused stated that he had an enemy who was believed to be involved in political manoeuvring to bring him down, the accused did not provide any evidence or information regarding the matter. In fact, no evidence was presented that could link any individual who was said to be his political enemy to SP15 (see paras 138–142 & 144–145).

(8) There was no evidence on the part of the defence that could raise any reasonable doubt against the prosecution's case (see para 148).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Zawawi v PP [1985] 2 MLJ 16; [1985] CLJ Rep 19; [1985] 2 CLJ 2, MA (dirujuk)

Ahmad Faizal Ali bin Aulad Ali & Ors v PP [2010] 2 MLJ 547; [2009] 9 CLJ 745, MT (dirujuk)

Ahmadi Moharam Lotfollah v PP [2014] 1 LNS 334, MR (dirujuk)

Amran bin Ahmad lwn Pendakwa Raya [2006] 5 MLJ 486; [2006] 2 CLJ 897, MT (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Balasingham v PP [1959] 1 MLJ 193; [1959] 1 LNS 8 (dirujuk)

Chean Siong Guat v PP [1969] 2 MLJ 63; [1969] 1 LNS 23 (dirujuk)

Dalip Baghwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1, MP (dirujuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145, MP (dirujuk)

Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2006] 2 MLJ 197; [2006] 1 CLJ 857, MP (dirujuk)

Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor [1975] 1 MLJ 119; [1974] 1 LNS 61, MP (dirujuk)

Khoon Chye Hin v PP [1961] 1 MLJ 105b (dirujuk)

Kong Hong Lai v PP [2011] 7 CLJ 700, MR (diikut)

Liew Kim Yong v PP [1989] 3 MLJ 323; [1989] 2 CLJ 914; [1989] 2 CLJ Rep 819, MR (dirujuk)

Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65, MR (dirujuk)
Low Oi Lin v Rex [1949] 1 MLJ 210b (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, MP (dirujuk)
Mat v PP [1963]1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82 (dirujuk)
Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)
Mirza Murtala v PP [2010] 5 MLJ 616; [2010] 4 CLJ 150, MR (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311, MA (dirujuk)
Mohamed Alias v PP [1983] 2 MLJ 172; [1981] 1 LNS 200 (dirujuk)
Mohamed Yatin bin Abu Bakar v PP [1950] 1 MLJ 57; [1949] 1 LNS 50 (dirujuk)
Mohd Naki bin Mohd Yusuf v PP [2014] 6 MLJ 16; [2014] 7 CLJ 441, MP (dirujuk)
Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v PP and another appeal [2014] 4 MLJ 875; [2014] 7 CLJ 897, MR (dirujuk)
Mr Losali v PP [2011] 4 MLJ 694; [2012] 2 CLJ 178; [2011] 1 LNS 501, MR (dirujuk)
Osman bin Maimo v PP [2019] 1 LNS 2025, MT (dirujuk)
Othman @ Mustafa bin Ahmad lwn Pendakwa Raya [2008] 5 MLJ 707; [2008] 10 CLJ 356, MT (diikut)
Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan [2014] 1 MLJ 363; [2013] 8 CLJ 359, MR (dirujuk)
PP v Mohd Radzi Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Abdul Halim bin Ishak & Anor [2013] MLJU 821; [2013] 9 CLJ 559, MR (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2) [1977] 1 MLJ 15; [1977] 1 LNS 92 (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315; [1981] 1 LNS 28 (dirujuk)
PP v Leo Say [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ Rep 683, MT (dirujuk)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561; [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ Rep 285, MA (dirujuk)
PP v Mardai [1950] 1 MLJ 33; [1949] 1 LNS 65 (dirujuk)
PP v Mohamad Liton Syed Malik [2008] 5 SLR 1 (dirujuk)
PP v Mohammad Terang bin Amit [1999] 1 MLJ 154; [1999] 5 CLJ 156, MT (dirujuk)
PP v Mohd Amin bin Mohd Razali & Ors [2002] 5 MLJ 406; [2002] 5 CLJ 281, MT (dirujuk)
PP v Mohd Musa bin Ahmad [2013] 8 MLJ 466; [2013] 5 CLJ 921, MT (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115 (dirujuk)
PP v Ebrahim Mirzaie Hj Ebrahim Deh Mokhtar [2017] 3 MLJ 827; [2017] 1 CLJ 575. MR (dirujuk)
PP v Emran bin Nasir [1987] 1 MLJ 166; [1986] 1 LNS 69 (dirujuk)

PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 (dirujuk)
R v Ipeelee 2012 SCC 13; [2012] 1 SCR 433, MA (dirujuk)
R v Kenneth John Ball [1951] 35 Cr App R 164 (dirujuk)
Rahani Ahmad lwn PP [2013] 1 LNS 1536, MR (dirujuk)
Saeid Reza Mohammadi Mohammad lwn Pendakwa Raya [2016] 4 MLJ 22; [2016] 1 LNS 303, MR (dirujuk)
Safae Ing lwn Pendakwa Raya [2006] 5 MLJ 698; [2006] 6 CLJ 125, MT (dirujuk)
Tan Lay Hwa v PP [2016] MLJU 1676; [2016] 1 LNS 507, MR (dirujuk)
Tuan Mat bin Tuan Lonik v PP [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638, MR (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)
Yusmarin bin Samsudin v PP [1999] 4 MLJ 625; [1999] 4 CLJ 391, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 8 , 114(g), 157
Kanun Keseksaan ss 375, 375(b), 376, 376(1), 377B
Kanun Tatacara Jenayah ss 173(m), 180(1), 182A, 288(5), 289

Jamil Aripin (Azlina bt Rasdi, Ainul Wardah bt Shahidan, Mohd Fitri bin Sadarudin dan Liyana Zawani Mohd Radzi bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak plaintiff.
Rajpal Singh a/l Mukhtiar Singh (Salim bin Bashir Baskaran dan Phan Yan Tong Nur Sarah bersamanya) (Rashpal Firah & Vishnu) bagi pihak defendan.

Abdul Wahab H:

LATAR BELAKANG

[1] Yong Choo Kiong ('OKT') telah dituduh dengan pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan iaitu kesalahan merogol seorang perempuan warganegara Indonesia yang bernama Awang (No Pasport: AU359249).

Pertuduhan terhadap OKT adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 7 Julai 2019 di antara jam lebih kurang 8.15 malam hingga 9.15 malam, di dalam sebuah bilik di tingkat atas dalam rumah No.52, Jalan Desa Meru 2, Meru Desa Park, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak telah melakukan rogol terhadap Awang (No.Paspot: AU359249) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

[2] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 23 orang saksi untuk membuktikan kes terhadap OKT.

FAKTA KES

[3] Pada 7 Mei 2019, mangsa seorang perempuan warganegara Indonesia bernama Awang (SP15) telah tiba di KLIA, Malaysia dan diambil bekerja sebagai pembantu rumah kepada OKT melalui sebuah agensi pekerjaan. SP15 seterusnya telah dibawa ke Ipoh dan pada 8 Mei 2019, SP15 telah diambil oleh isteri OKT bernama Too Choon Looi dan dibawa ke rumah OKT di No 52, Jalan Meru Desa 2, Meru Desa Park, Ipoh.

[4] Pada 7 Julai 2019, jam lebih kurang 8 pagi, OKT bersama isteri OKT dan anak perempuan OKT bernama C telah pergi ke Kuala Lumpur dengan menaiki kenderaan yang dipandu oleh kawan OKT. Pada ketika itu, SP15 tinggal di rumah bersama anak lelaki OKT bernama Bryce.

[5] Pada hari yang sama, jam lebih kurang 8 malam, OKT dan keluarganya pulang ke rumah. Pada waktu itu, SP15 baru selepas mandi dan hendak menggosok baju. Isteri OKT datang berjumpa dengan SP15 di salah sebuah bilik di tingkat atas iaitu di bilik anak OKT bernama Brian. Isteri OKT bertanya sama ada SP15 sudah makan atau belum. SP15 mengatakan dia sudah makan dan isteri OKT telah beredar dari situ.

[6] Selepas itu, semasa SP15 sedang menggosok baju di bilik tersebut, OKT telah datang dan pergi ke arah SP15. SP15 berhenti daripada menggosok pakaian dan bertanyakan kepada OKT, apa yang beliau mahukan. Pada masa itu, OKT telah menutup tirai kayu di sebelah kanan SP15. Kemudian OKT telah menarik tangan SP15 pergi menuju ke katil dan seterusnya telah menjatuhkan SP15 ke atas katil tersebut. Sewaktu OKT cuba untuk menindih SP15, SP15 telah melawan dengan cara menolaknya dan bergelut ingin melepaskan diri namun tidak berjaya.

[7] Setelah lama bergelut, OKT cuba membuka seluarnya. Pada ketika ini, SP15 masih mencuba untuk melarikan diri namun tidak berjaya kerana beliau dapat ditangkap semula oleh OKT dan OKT telah menutup pintu. Kemudiannya, OKT berjaya menolak semula SP15 sehingga dirinya terbaring di atas katil. Pada ketika ini, OKT telah menindih SP15, memegang kedua-dua tangan SP15 dan kemudiannya membuka serta menarik seluar SP15.

[8] Selepas OKT berjaya melepaskan seluar SP15, OKT telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP15. Pada ketika ini, kedua-dua tangan OKT memegang kedua-dua tangan SP15. Pada ketika ini juga, OKT telah menarik dan menolak kemaluannya dalam kemaluan SP15 selama lebih kurang dua hingga tiga minit. Semasa diperlakukan sedemikian, SP15 merasa sakit di kemaluannya dan dapat mengesahkan bahawa kemaluan OKT keras dan tegang pada ketika itu.

[9] OKT cuba untuk mencium bibir SP15, namun SP15 melawan dengan cara cuba untuk menggigitnya. OKT mengelak dan meneruskan perbuatan keluar masuk kemaluannya itu sehingga pada suatu ketika, OKT melepaskan kedua-dua tangan SP15. Pada ketika inilah SP15 mengambil peluang melarikan diri dengan menolak OKT dan selepas itu, SP15 telah berlari masuk ke tandas. OKT telah datang masuk ke tandas dan memeluk SP15.

[10] SP15 telah menolak OKT keluar dari tandas dan SP15 mengunci pintu tandas tersebut. Semasa di dalam tandas, SP15 mendengar OKT mengetuk-ngetuk pintu tandas untuk seketika. Selepas itu, SP15 tidak lagi mendengar ketukan OKT. SP15 berdiam diri di dalam tandas dan cuba menenangkan diri yang dalam ketakutan sambil SP15 mencuci kemaluan SP15 berulang kali sampai sedikit tenang.

[11] SP15 kemudiannya keluar dari tandas dan hendak sambung tugasan menggosok baju. Namun, SP15 terpijak sesuatu yang melekit di atas lantai bilik di tepi katil dipercayai air mani OKT. SP15 turun ke tingkat bawah untuk mengambil 'mop' dan SP15 telah mengelap lantai di kawasan yang melekit itu. SP15 kemudian turun semula ke tingkat bawah, mencuci 'mop' tersebut dan meletakkan 'mop' di pintu belakang rumah. Semasa SP15 turun ke bawah menghantar 'mop', SP15 ada ternampak anak OKT bernama Bryce berada di dapur. SP15 juga nampak bungkusan McDonald di dalam tong sampah. SP15 selepas itu menulis sesuatu di dalam diari P20A dengan catitan 'Aku benci diriku sendiri' dan tarikh 7 Julai 2019.

[12] Pada 8 Julai 2021, keesokkan harinya, semasa SP15 sedang mengelap lantai di kawasan letak kereta, SP15 telah meminta pertolongan pemandu OKT iaitu SP7 untuk membawa SP15 pergi ke Kedutaan. Namun, SP7 telah menolak atas alasan perlu mengambil cuti.

[13] Pada jam lebih kurang 10 pagi, selepas OKT, isteri OKT dan anak OKT keluar dari rumah, SP15 telah menghubungi pihak Kedutaan menggunakan nombor telefon yang diperolehinya dari 'Buku Panduan Negara Tujuan Malaysia Untuk Pekerja Migran Indonesia' (eksh P19B). Panggilan SP15 telah dijawab oleh SP3.

[14] Dalam keadaan panik, ketakutan dan menangis SP15 memberitahu SP3 bahawa dirinya telah dirogol oleh majikan lelaki. SP3 menyuruh SP15 untuk lari mencari teksi dan pergi ke balai polis. Untuk mengetahui nombor telefon yang digunakan oleh SP15, SP3 telah memberikan satu nombor telefon bimbit untuk SP15 menghubunginya semula menggunakan nombor tersebut dan nombor itu telah dicatit oleh SP15 pada buku panduan tersebut. SP15

kemudiannya telah menghubungi nombor telefon bimbit yang diberi itu. SP3 memberitahu SP15 supaya lari keluar dari rumah tersebut dan datang ke Kedutaan atau ke Balai Polis terdekat.

[15] SP15 kemudian mengemas beg pakaian, namun tidak jadi untuk membawa lari beg itu kerana berat. Seterusnya SP15 turun ke bawah dan pergi ke luar rumah, namun tiba-tiba OKT pulang ke rumah semasa SP15 berada di luar rumah tersebut. Selepas OKT beredar semula dari rumah tersebut, pada jam lebih kurang 12 tengah hari SP15 telah keluar dari rumah itu.

[16] SP15 keluar dengan membawa kunci rumah (eksh P15D(1)) bersamanya. SP15 telah keluar dari rumah melalui pondok keselamatan sehingga ke jalan utama. Apabila tiba di jalan utama, SP15 telah melihat sebuah kenderaan dan melambai ke arah kenderaan tersebut. Selepas kenderaan tersebut berhenti, SP15 telah menyeberangi jalan dan meminta pertolongan daripada pemandu kenderaan tersebut iaitu SP16.

[17] SP15 meminta SP16 menghantarnya ke Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur. SP16 menyatakan beliau tidak boleh menghantar SP15 ke sana. SP16 kemudian membawa SP15 ke terminal teksi namun SP15 tidak mahu turun. Selepas ditanya berulangkali oleh SP16, SP15 memberitahu bahawa dia sebenarnya telah diperkosa oleh majikan. Dalam tempoh SP16 berada bersama SP15 itu, SP16 dapati SP15 berada dalam keadaan cemas, ketakutan, sedih dan menangis. SP16 kemudian membawa SP15 ke Balai Polis.

[18] Setelah sampai di Balai Polis Jelapang, SP16 membawa SP15 masuk ke balai berjumpa dengan polis perempuan. SP15 membuat repot polis sepertimana Jelapang/4303/19 (eksh P52).

PEMBUKTIAN UNDANG-UNDANG DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[19] Beban pembuktian yang harus diguna pakai di akhir kes pendakwaan adalah beban prima facie.

Seksyen 180(1) Kanun Tatacara Jenayah menggariskan bahawa prima facie seperti yang ditakrifkan di dalam peruntukan tersebut ialah:

> s 180 Procedure after conclusion of case for prosecution
>
> (1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.
>
> (2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.

(3) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

[20] Definisi bagi perkataan 'prima facie' tidak diberikan di dalam peruntukan Kanun Tatacara Jenayah tetapi telah banyak diterangkan, dibincangkan dan diputuskan oleh kes-kes di Mahkamah Tinggi hinggalah ke Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dalip Baghwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1 telah memutuskan seperti berikut

> The meaning of the test of prima facie case at the end of the prosecution's case is, *'on the assumption that the prosecution evidence was accurate, could the accused be lawfully convicted?* The word 'accurate' could mean or should mean 'true' and the words 'prosecution evidence' could be said to refer to the evidence of 'primary facts' which could logically refer to evidence or evidence sufficient enough to prove each ingredient of an offence. Once there is sufficiency of such evidence, so long as it is not inherently incredible, a prima facie case is made out. Therefore, the test of prima facie case would not entitle one to assess the veracity or credibility of evidence of witnesses as the session had done.

[21] Bagi menjelaskan maksud 'primary facts' dan 'inherently incredible' dalam kes yang sama mahkamah telah menyatakan sebagaimana berikut:

> Such evidence of primary facts could logically refer to evidence or evidence sufficient enough to prove each ingredient of an offence, such as death as one of the ingredients in a murder case. One there is sufficiency of such evidence, so long as it is not inherently incredible such as the landing of a flying saucer from outer space on Dataran Merdeka in Kuala Lumpur, a prima facie case is made out.

[22] Dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, Makamah Persekutuan semasa menjelaskan konsep prima facie antara lainnya menyatakan:

> ... A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

[23] Seterusnya, prinsip kes 'prima facie' telah diputuskan di dalam *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 (MP) sebagaimana berikut:

> ... In *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 2)* [1999] 2 MLJ 249; [1999] 2 CLJ 215, Augustine Paul J describe what a prima facie is in the following terms:
>
> > A prima facie case arises when then evidence in favour of a party is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. The evidence adduced must be such that it can be overthrown only by rebutting evidence by the other side. Taken in its totality, the force of evidence must be such that, if unrebutted

it is sufficient to induce the court to believe the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts existed or did happen. As this exercise can not be postponed to the end of the trial, a maximum evaluation of the credibility of witnesses must be done at the close of the case for the prosecution before the court can rule that a prima facie case had been made out in order to call for the defence.

[24] Rujukan juga dibuat terhadap keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Mohd Naki bin Mohd Yusuf v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 16 di ms 28; [2014] 7 CLJ 441 di ms 457 yang menyatakan seperti berikut:

[48] A prima facie case is one that is sufficient for the appellant to be called upon to answer. This means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established. The force of the evidence adduced must be such that, if rebutted, is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen.

[25] Bagi mengenal pasti sama ada suatu kes telah dibuktikan secara 'prima facie', adalah menjadi tugas mahkamah untuk membuat penilaian ke atas keterangan saksi-saksi pendakwaan secara keseluruhannya. Ini termasuk bahagian-bahagian keterangan saksi-saksi dalam peringkat pemeriksaan awal, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Keterangan saksi-saksi mestilah konsisten dalam segala tahap sedemikian. YA Mohd Zawawi Salleh HMR, (beliau semasa itu), semasa menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2014] 4 MLJ 875 di ms 884; [2014] 7 CLJ 897 di ms 909 berkata seperti demikian:

(g) Further, it is the paramount duty of the court to consider entire evidence of a witness brought on record in the examination-in-chief, cross-examination and re-examination. In other word courts must take an overall view of the evidence of each witness.

[26] Berdasarkan kepada kedudukkan ini, pihak pendakwaan perlu mengemukakan keterangan yang secara keseluruhannya menghasilkan suatu fakta yang cukup lengkap dan jitu yang mana semuanya menjurus kepada penglibatan OKT dalam melakukan kesalahan seperti dalam pertuduhan. Dalam masa yang sama, pihak pendakwaan perlu mengemukakan keterangan-keterangan untuk menangkis kesemua pembelaan OKT yang diketengahkan oleh OKT melalui pemeriksaan balas yang dilakukan ke atas saksi-saksi pendakwaan bagi membolehkan mahkamah membuat keputusan

A sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes secara prima facie dan sama ada OKT perlu dipanggil untuk membela diri.

ELEMEN-ELEMEN YANG PERLU DIBUKTIKAN BAGI PERTUDUHAN DI BAWAH S 376(1) KANUN KESEKSAAN

B

[27] Secara umumnya, bagi pertuduhan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen rogol di bawah s 375 Kanun Keseksaan. Untuk kemudahan rujukan, berikut diperturunkan peruntukan s 376(1) Kanun Keseksaan:

C

> Section 376 Punishment for rape.
>
> (1) Subject to subsections (2), (3) and (4), whoever commits rape shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be punished with whipping.

D

[28] Rogol bagi maksud s 376(1) Kanun Keseksaan adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah s 375 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan seperti berikut:

E

> Section 375 Rape.
>
> A man is said to commit 'rape' who, except in the case hereinafter excepted, has *sexual intercourse with a woman* under circumstances falling under any of the following descriptions:
>
> F
>
> (a) against her will;
>
> (b) *without her consent*
>
> (c) with her consent when her consent has been obtained by putting her in fear of death or hurt to herself or any other person, or obtained under a misconception of fact and the man knows or has reason to believe that the consent was given in consequence of such misconception;
>
> G
>
> (d) with her consent, when the man knows that he is not her husband, and her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married or to whom she would consent;
>
> H
>
> (e) with her consent, when, at the time of giving such consent, she is unable to understand the nature and consequences of that to which she gives consent;
>
> (f) with her consent, when the consent is obtained by using his position of authority over her or because of professional relationship or other relationship of trust in relation to her;
>
> I
>
> (g) with or without her consent, when she is under sixteen years of age.

[29] Dalam kes ini, daripada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, jelas kepada mahkamah bahawa pihak pendakwaan ingin menggunapakai s 375(b) Kanun Keseksaan iaitu rogol atas faktor tanpa persetujuan atau kerelaan SP15. Sehubungan itu, elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan untuk mendapatkan kes 'prima facie' terhadap OKT adalah bahawa:

(a) OKT melakukan persetubuhan atau hubungan seks dengan SP15 iaitu OKT telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP15; dan

(b) hubungan seks tersebut berlaku tanpa kerelaan SP15.

Elemen 1: Bahawa OKT melakukan persetubuhan atau hubungan seks dengan SP15 iaitu OKT telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP15

[30] Bagi elemen pertama, apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah bahawa OKT telah bersetubuh dengan adanya penetrasi atau kemasukan kemaluan OKT ke dalam kemaluan SP15. SP15 dalam keterangannya telah menceritakan secara panjang lebar tentang bagaimana kejadian rogol tersebut berlaku. Menurut SP15, OKT telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP15 selama lebih kurang dua hingga tiga minit semasa SP15 berada di atas katil. Keterangan SP15 dirujuk seperti berikut:

> SP15: ... Setelah itu dia mendorong saya ke atas katil sampai terbaring. Setelah itu, dia menindih saya dan memegang kedua tangan saya di atas kepala saya. Saya cuba lawan tetapi tidak berhasil. Setelah itu tangan kirinya memegang kedua-dua tangan saya dengan kuat lalu tangan kanannya membuka seluar saya dan itu berhasil. Berhasil dengan bantuan tangan kirinya yang silih berganti menarik seluar saya. Setelah ia berhasil melepaskan seluar saya dia mencuba mengkangkangkan saya dan itu pun berhasil. Setelah itu, tangan kanannya mengesek-gesekkan kemaluannya ke kemaluan saya. Setelah beberapa saat dia cuba secara paksa memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan saya. dan itu pun berhasil. Saya tidak boleh melawan kerana badan dia besar dia kuat. Setelah itu kedua dua tangannya memegang kedua dua tangan saya tangan kanannya di atas tangan kiri saya dan tangan kiri dia di atas tangan kanan saya.
>
> TPR: Di bahagian mana?
>
> SP15: Di bahagian telinga saya. Dan setelah itu dia menarik dorong kemaluannya di kemaluan saya selama lebih kurang dua atau tiga minit. Sambil dia menarik dorong kemaluannya dia ingin mencuba mencium bibir saya tapi tidak berhasil kerana saya melawan dengan cara ingin menggigitnya. Setelah itu dia mengelak dan melanjutkan menarik dorong kemaluannya sampai dia melepaskan kedua dua tangan saya dan disitulah peluang saya untuk menyelamatkan diri saya dengan cara mendorong badannya sehingga dia mundur ke belakang.

[31] Mahkamah mendapati SP15 dalam keterangannya mengakui tidak nampak kemaluan OKT masuk ke dalam kemaluannya. SP15 hanya dapat merasai kemaluan OKT masuk ke dalam kemaluannya yang menyebabkannya merasa sakit. Walaupun begitu, terdapat penjelasan yang lebih lanjut diberikan oleh SP15 dalam keterangannya yang menunjukkan bahawa sememangnya kemaluan OKT yang masuk ke dalam kemaluannya itu. Rujukan seterusnya dibuat terhadap keterangan SP15 yang menyatakan seperti berikut:

TPR: Kamu beritahu tadi semasa kemaluan 'sir' masuk ke dalam kemaluan kamu di mana kedua dua tangan 'sir' berada?

SP15: Di samping telinga saya memegang kedua tangan saya.

TPR: Dalam keadaan bagaimana? Tangan kiri 'sir' di mana tangan kanan 'sir' di mana?

SP15: Tangan kanan 'sir' ada di atas tangan kiri saya dan tangan kiri 'sir' ada di atas tangan kanan saya.

TPR: Semasa itu 'sir' kedudukan dengan kamu apa kedudukan 'sir' dengan kamu 'sir' dibahagian mana dengan kamu?

SP15: Saya dibawah 'sir' di atas saya.

[32] Menurut SP15 lagi, semasa OKT memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP15 selama lebih kurang dua hingga tiga minit, SP15 telah merasa sakit dan dapat merasai kemaluan OKT itu yang tegang dan keras masuk ke dalam kemaluannya. Apatah lagi, SP15 seharusnya mempunyai pengalaman kerana dikatakan telah pernah bernikah. SP15 dalam keterangannya menyatakan seperti berikut:

TPR: Semasa 'sir' dorong tarik kemaluannya ke dalam kemaluan kamu lebih kurang dua hingga tiga minit apa yang kamu rasa masa itu?

SP15: Saya rasa sakit dibahagian kemaluan saya.

TPR: Bagaimana keadaan kemaluan 'sir' semasa itu yang kamu rasa?

SP15: Tegang dan keras.

TPR: Semasa 'sir' masukkan kemaluannya ke dalam kemaluan kamu adakah kamu nampak kemaluan itu masuk?

SP15: Tidak nampak tetapi saya rasa ada benda yang masuk.

TPR: Bagaimana kamu tahu yang masuk adalah kemaluan 'sir' dan bukan benda lain?

SP15: Kerana saya sudah menikah.

[33] Berdasarkan keterangan-keterangan SP15 yang dirujuk tersebut, jelas menunjukkan kepada mahkamah bahawa dalam keadaan OKT menindih SP15 dan memegang kedua-dua tangan SP15 dengan kedua-dua tangannya di

tepi telinga kiri dan kanan SP15, maka tiada benda lain termasuk jari atau tangan OKT yang mungkin keluar masuk ke dalam kemaluan SP15 pada ketika itu yang menyebabkan dia merasa sakit melainkan adalah hanya kemaluan OKT.

[34] Keterangan SP15 semasa disoal balas adalah konsisten dengan keterangan beliau semasa soalan utama walaupun diasak bertubi-tubi dengan soalan balas oleh peguam. Semasa disoal balas mengenai isu 'penetrasi', SP15 juga turut dicadangkan berulang-ulang kali oleh peguam OKT bahawa SP15 tidak nampak kemaluan OKT masuk ke dalam kemaluannya. Namun keterangan SP15 amat tegas dan konsisten serta tidak goyah berkenaan wujudnya elemen kemasukan kemaluan OKT itu.

[35] Peguam OKT dalam penghujahannya ada menegaskan bahawa keterangan SP15 memerlukan keterangan sokongan dan tidak boleh bergantung kepada keterangan SP15 seorang sahaja. Dengan kata lain, keterangan SP15 hendaklah dipertimbangkan dengan secara berhati-hati. Peguam seterusnya berhujah bahawa keterangan SP15 tidak disokong oleh catatan diari beliau ('P20A') atau laporan polis ibunya ('D57') kerana tiada dinyatakan berkenaan dirinya dirogol.

[36] Dalam hal ini, mahkamah bersetuju dengan hujah peguam bahawa apabila kejadian melibatkan hanya dua orang sahaja iaitu perogol dan mangsa, keterangan pengadu hendaklah disokong dan dipertimbangkan dengan secara berhati-hati sebagaimana juga yang ditekankan dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mohamad Malek Ridhzuan bin Che Hassan* [2014] 1 MLJ 363; [2013] 8 CLJ 359 di Mahkamah Rayuan yang menyatakan seperti berikut:

> [14] Secara khusus mengenai kes-kes rogol, mahkamah juga perlu mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:
>
> (a) bahawa adalah senang untuk seseorang membuat tuduhan rogol; tetapi sukar bagi orang yang dituduh, walaupun beliau tidak bersalah, untuk membuktikan sebaliknya. ('An accusation for rape can be made with ease; it is difficult for the person accused, though innocent, to disprove it');
>
> (b) bahawa memandangkan bentuk intrinsik kesalahan rogol yang pada kebiasaanya melibatkan hanya dua orang (perogol dan mangsa), keterangan pengadu hendaklah dipertimbangkan dengan secara berhati-hati. ('In view of the intrinsic nature of the crime rape where two persons are usually involved, the testimony of the complaint must be securitised with extreme caution'); dan
>
> (c) bahawa jatuh-bangun kes pihak pendakwaan hendaklah bergantung sepenuhnya kepada meritnya sendiri, dan ia tidak boleh dibenarkan untuk mendapat kekuatan daripada kelemahan atau kecacatan dalam keterangan pihak pembelaan ('The evidence for the prosecution must

stand or fall on its merits, and cannot be allowed to draw strength from the weaknesses of the evidence for the defence').

[37] Walaupun begitu, ini tidak bermakna keperluan terhadap keterangan sokongan dalam kes seksual adalah menjadi suatu kemestian dan sabitan tidak boleh dikenakan ke atas tertuduh tanpa keterangan mangsa rogol disokong. Sabitan bagi kesalahan kes-kes seksual boleh dibuat tanpa keterangan sokongan dengan syarat mahkamah telah memberi amaran kepada dirinya mengenai bahaya untuk bergantung hanya kepada keterangan tersebut dan berpuashati bahawa adalah selamat untuk mengenepikan keterangan sokongan. Dalam kes *Public Prosecutor v Mardai* [1950] 1 MLJ 33; [1949] 1 LNS 65 Spencer Wilkinson J berkata di ms 33:

> Whilst there is no rule of law in this country that in sexual offences the evidence of the complainant must be corroborated; nevertheless it appears to me, as a matter of common sense, to be unsafe to convict in cases of this kind unless either the evidence of the complainant is unusually convincing or there is some corroboration of the complainant's story.

[38] Isu berkenaan keterangan sokongan dalam kes seksual juga ada dibincangkan dengan panjang lebar dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145 yang mana Mahkamah Persekutuan mengesahkan bahawa keterangan sokongan bagi kes seksual adalah hanya atas kerana amalan dan pruden sahaja, dan bukanlah merupakan suatu tuntutan undang-undang. Arifin Zakaria Ketua Hakim Negara (pada masa itu) dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> [73] The law on corroboration of the evidence of a victim in a sexual offence is settled in our jurisdiction. In this regard, the Court of Appeal had correctly addressed the law by referring to various authorities both here and in other Commonwealth jurisdictions. *As a matter of practice and prudence, not of law, corroboration is normally required in a sexual offence*. Where corroboration is dispensed with, and the complainant's evidence is accepted as having established the case against an accused, the judge as a matter of law is required to warn himself of the danger of convicting on the uncorroborated evidence of the complainant. This requirement of the law is aptly put by Robert CJ in *Public Prosecutor v Emran Nasir* [1987] 1 MLJ 166; [1986] 1 LNS 69 in the following words:
>
> > I warn myself that, on a charge of rape, it is dangerous to convict on the evidence of the complainant alone, since experience has shown that female complainants have told false stories for various reasons. However, it is open to me, giving full weight to the warning that it is dangerous for me to convict without corroborative evidence, if I conclude that the complainant is, without doubt, speaking the truth.

[39] Walaupun dalam kes kesalahan seksual keterangan mangsa tidak memerlukan keterangan sokongan sebagai 'rule of law' tetapi sebagai 'rule of prudence' sahaja, namun dalam kes di hadapan mahkamah ini, mahkamah mendapati terdapat keterangan sokongan yang boleh menyokong keterangan SP15.

[40] Keterangan sokongan pertama datangnya daripada keterangan doktor pakar O&G iaitu Dr Nilawati bt Isha ('SP5'). SP5 yang telah membuat pemeriksaan terhadap kemaluan SP15 pada 9 Julai 2019 telah mengesahkan kebenaran cerita SP15 berdasarkan wujudnya kesan koyakan baru pada selaput dara SP15 di kedudukan jam enam dan lapan yang boleh diakibatkan oleh kemasukan benda tumpul seperti zakar sekaligus menyokong keterangan SP15 berkenaan wujudnya 'penile penetration' yang mana zakar OKT telah memasuki kemaluan SP15. Mahkamah merujuk kepada keterangan SP5 yang menyatakan seperti berikut:

> TPR: Apakah hasil pemeriksaan di bahagian kemaluan pesakit?
>
> SP5: Daripada pemeriksaan saya, saya dapati berlaku ada koyakkan yang baru pada area 6 ke 8 o'clock. Juga terdapat kesan geseran atau abrasion pada area 2 o'clock juga di posterior fourchette.
>
> TPR: Pada area 6 ke 8 o'clock ini area mana?
>
> SP5: Dia pada selaput hymen
>
> TPR: Apakah yang boleh menyebabkan koyakkan selaput hymen ini?
>
> SP5: Ia boleh disebabkan oleh kemasukkan dari objek tumpul atau organ tumpul
>
> TPR: Boleh doktor jelaskan apakah yang dr maksudkan dengan objek tumpul dan organ tumpul?
>
> SP5: Contoh adalah untuk organ tumpul seperti zakar atau jari atau lain-lain objek yang tumpul.

[41] Keterangan oleh SP15 bahawa OKT ada menggeselkan kemaluannya (dikatakan oleh SP15 sebagai perbuatan menggesek) pada kemaluan SP15 adalah juga disokong dengan penemuan SP5 terhadap kesan geseran di bahagian bawah kemaluan dan juga pada selaput *hymen* di kedudukan jam dua kemaluan SP15. Mahkamah merujuk keterangan SP5 yang mengatakan seperti berikut:

> TPR: Sekarang saya akan tanya berkenaan abrasion atau geseran. Apakah yang boleh menyebabkan abrasion di bahagian area posterior fourchette dan area 2 o'clock pada kemaluan pesakit?
>
> SP5: Ia boleh juga disebabkan kemasukkan organ tumpul atau objek tumpul.
>
> TPR: Apakah maksud posterior fourchette?

SP5: Adalah area dimana ia adalah paling bawah pada kemaluan pesakit

TPR: Dari terma perubatan apakah maksud abrasion atau geseran?

SP5: Ia membawa maksud terdapat kesan kemerahan jika ada abrasion atau geseran pada kemaluan.

[42] Selain itu, koyakan baru dan kesan geseran atau 'abrasion' pada kemaluan SP15 itu telah disahkan oleh SP5 berlaku kurang dari tempoh masa 72 jam. Dalam keadaan ini, mahkamah mendapati hasil pemeriksaan SP5 menyokong keterangan SP15 bahawa kemasukan kemaluan OKT itu dan geseran pada kemaluan SP15 berlaku pada 9 Julai 2020 iaitu dalam tempoh tidak melebihi 72 jam dari masa pemeriksaan itu dibuat oleh SP5. Mahkamah merujuk kepada keterangan SP5 sebagaimana berikut:

TPR: Apakah yang dimaksudkan dengan koyakkan baru?

SP5: Koyakkan baru bermaksud ia berlaku kurang daripada 72 jam

TPR: Daripada pemeriksaan bahagian kemaluan pesakit yang doktor lakukan boleh doktor tentukan masa kejadian ataupun sudah berapa lama kejadian ini berlaku dengan melihat koyakkan baru dan abrasion tersebut?

SP5: Pada pendapat saya pada masa pemeriksaan kejadian berlaku kurang daripada 72 jam

TPR: Pemeriksaan dilakukan pada jam berapa?

SP5: Pemeriksaan pada 9 Julai 2019 pada jam lebih kurang 12.30 tengah malam

[43] Dalam kes *Kong Hong Lai v Public Prosecutor* [2011] 7 CLJ 700, Mahkamah Rayuan dalam menerima keterangan doktor untuk menyokong keterangan mangsa rogol bahawa kejadian rogol telah berlaku menyatakan seperti berikut:

> ... (1) The medical evidence herein supported the evidence of penetration in that there were two fresh tears within the last 72 hours to the victim's vagina and the medical report also indicated penetration to the vagina by a blunt object which must have been the appellant's penis. Further, it could not be said that the complainant herein had presumed penetration of her vagina as she was fully able to explain why she said there was penetration and described the motion of the appellant while the act of penetration was occurring. The suggestion of the defence that it was something other than the appellant's penis that had penetrated the complainant's vagina was therefore untenable in the circumstances described by her.

[44] Seterusnya, mahkamah mendapati keterangan sokongan berdasarkan laporan polis SP15 iaitu (P52) yang dibuat segera oleh SP15 sendiri iaitu kurang 24 jam selepas kejadian. P52 dilihat konsisten dengan keterangan utama SP15 iaitu wujudnya cerita berkenaan kejadian OKT merogol SP15. Tindakan SP15 yang membuat laporan polis dengan secepat mungkin dan

bersegera jelas menyokong keterangan SP15 bahawa kejadian rogol tersebut adalah benar-benar berlaku. Di Malaysia, laporan polis seseorang pengadu merupakan satu keterangan sokongan yang boleh diterima masuk oleh mahkamah di bawah s 157 Akta Keterangan 1950 sebagai keterangan sokongan. Diperturunkan peruntukan tersebut sebagaimana berikut:

> Section 157: Former statements of witness may be proved to corroborate later testimony as to same fact
>
> In order to corroborate the testimony of a witness, any former statement made by him whether written or verbal, on oath, or in ordinary conversation, relating to the same fact at or about the time when the fact took place, or before any authority legally competent to investigate the fact, may be proved.

[45] Dalam kes *Karthiyayani & Anor v Lee Leong Sin & Anor* [1975] 1 MLJ 119; [1974] 1 LNS 61 Mahkamah Persekutuan dalam menerima pemakaian s 157 Akta Keterangan 1950 memutuskan seperti berikut:

> In my judgment the finding of the learned judge shows that certain salient features of this aspect of the evidence were missed or were not properly appreciated. It is settled law that a person cannot corroborate himself but it would appear that s 157 of the Evidence Act enables a person to corroborate his testimony by his previous statement. The section adopts a contrary rule of English jurisprudence by enacting that a former statement of a witness is admissible to corroborate him, if the former statement is consistent with the evidence given by him in court. The rule is based on the assumption that consistency of utterance is a ground for belief in the witness's truthfulness, just as inconsistency is a ground for disbelieving him.

[46] Dalam hal ini, mahkamah juga ingin merujuk kepada *Sarkar on the Law of Evidence* (16th Ed), Vol 2, ms 2454 yang menyatakan seperti berikut:

> Statement that she was raped some time or shortly after the crime though not admissible under s 6 is admissible under s 157 for corroboration (*Md Afzal v R, A* [1950] L 151; *Bechu v R, A* [1949] C 613 *(not following Chamuddin v R, A* [1936] C 18; *Sikandar v R* 41 CWN 641; *Taser v R*, 44 CWN 835; *Nur Md v R*, 38 CWN 108; *S v Pichika, A* [1963] Or 58).

[47] Seterusnya, mahkamah juga mendapati keterangan SP3 dan SP16 menyokong keterangan SP15 yang menceritakan kejadian dirinya telah dirogol oleh OKT kepada mereka. Keterangan SP3 dan SP16 yang mendengar SP15 mengadu kepada mereka tentang perbuatan OKT sebaik sahaja selepas kejadian itu berlaku (kurang 24 jam dari masa kejadian) boleh menyokong keterangan SP15 untuk mengesahkan kejadian rogol itu benar-benar berlaku ke atas SP15 (rujuk kes *Public Prosecutor v Mohammad Terang bin Amit* [1999] 1 MLJ 154; [1999] 5 CLJ 156). Keadaan adalah sama sebagaimana di dalam kes *Liew Kim Yong v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 323; [1989] 2 CLJ 914; [1989] 2 CLJ Rep 819 yang mana mahkamah telah menerima keterangan

mangsa yang menceritakan kejadian rogol yang berlaku pada dirinya kepada ahli keluarganya sebagai keterangan sokongan dan memutuskan seperti berikut:

> When the complainant telephoned her sister on the morning of 10 June, she stated unequivocally that she had been raped, that is to say that there had been penetration. It is true that later in the day, when recounting the incident to her mother, her sister and Angela, the complainant had said that there had been pain but that she did not know if there had been penetration. That apparently surprising statement is explained by the complainant's evident reluctance to speak to her mother about the episode, illustrated by her refusal to communicate when she was seen crying by her mother at 8am.
>
> It is clear from a plain reading of s 159 of the Evidence Act that evidence of the complaint to the sister on the telephone, and then the complaint to the mother, sister and Angela was admissible as corroboration of the complainant's own evidence as to the offence. It is clear that the learned trial judge looked for corroboration and properly regarded that evidence as corroborative, that is to say as evidence which confirmed in material particulars, not only that the complainant had been raped, but also that the appellant had raped her — see *R v Beck* [1982] 1 All ER 807.

[48] Selain keterangan SP15 dan SP16, pendakwaan juga telah mengemukakan keterangan rakaman 'Closed-Circuit Television' (CCTV) melalui SP18 dan SP19. Sebagaimana diketahui, kedudukan perundangan mengenai keterangan rakaman CCTV telah dijelaskan adalah berbentuk keterangan sokongan sahaja (rujuk kes *Saeid Reza Mohammadi Mohammad lwn Pendakwa Raya* [2016] 4 MLJ 22; [2016] 1 LNS 303, kes *Public Prosecutor v Ebrahim Mirzaie Hj Ebrahim Deh Mokhtar* [2017] 3 MLJ 827; [2017] 1 CLJ 575 dan kes *Tan Lay Hwa v Public Prosecutor* [2016] MLJU 1676; [2016] 1 LNS 507). Walaupun begitu, keterangan CCTV dalam kes ini adalah penting bagi menunjukkan pergerakan keluar masuk saksi-saksi yang ada di rumah tersebut pada hari kejadian di mana kejadian rogol dikatakan telah berlaku di antara jam 8.15 malam hingga 9.15 malam.

[49] Berdasarkan keterangan SP18 dan SP19, serta merujuk kepada rakaman dan gambar pegun CCTV yang dikemukakan dan ditandakan sebagai ekshibit, mahkamah ini berpuas hati bahawa di antara tempoh masa tersebut, isteri OKT telah keluar dari kawasan perumahan itu menaiki kenderaan Toyota Vellfire warna hitam nombor VBY8858 dan pergi membeli makanan di McDonald. Keterangan SP18, SP19 dan rakaman serta gambar pegun CCTV seterusnya menunjukkan bahawa SP22 telah beredar meninggalkan rumah OKT menaiki kenderaan Toyota Alphard nombor PLV 8383.

[50] Ini telah disahkan sendiri oleh SP22 dalam keterangannya. Ketiadaan mereka dalam tempoh tersebut jelas menunjukkan bahawa hanya OKT dan SP15 yang berada di dalam rumah pada ketika itu. Dalam keadaan ini, OKT dilihat mempunyai peluang untuk melakukan perbuatan merogol ke atas SP15 itu tanpa disedari oleh isterinya dan orang lain termasuk SP22. Keterangan rakaman CCTV ini secara tidak langsung telah menyokong fakta kes yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

[51] Berdasarkan fakta yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan sebagaimana keterangan-keterangan di atas dan kes-kes dirujuk, mahkamah ini berpuas hati bahawa berlakunya kejadian kemasukan kemaluan OKT ke dalam kemaluan SP15 dalam kes ini. Oleh itu, mahkamah berpendapat elemen pertama telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Elemen 2: Hubungan seks tersebut berlaku tanpa kerelaan SP15

[52] Bagi elemen kedua ini, mahkamah merujuk kepada keterangan SP15 yang beberapa kali menjelaskan bahawa beliau melawan semasa kejadian rogol itu berlaku. Menurut SP15, beliau memberontak sambil berteriak meminta dilepaskan dengan nada yang kuat semasa tangannya ditarik oleh OKT. Namun teriakannya itu tidak mudah didengar oleh orang lain kerana pintu bilik tertutup dan dijelaskan bahawa selama SP15 bekerja di situ, SP15 pernah mendengar anak OKT bermain atau tertawa tetapi bunyi tidak sampai ke tingkat bawah.

SP15 juga telah cuba melawan dan menolak OKT semasa ditindih oleh OKT namun tidak berjaya kerana badan OKT besar dan kuat. Menurut SP15 lagi, OKT telah memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan SP15 secara paksa dan telah menyebabkan SP15 merasa sakit akibat perbuatan OKT itu.

[53] Berkenaan ini, SP5 mengesahkan bahawa koyakan baru pada kemaluan SP15 boleh berlaku dalam tempoh yang singkat secara paksa dan ganas. Ini menyokong keterangan SP15 bahawa kejadian itu berlaku dengan paksaan dan tanpa kerelaan SP15. Mahkamah merujuk keterangan SP5 sebagaimana berikut:

> TPR: Saya merujuk pada keterangan doktor di mahkamah tadi berkenaan dengan tempoh masa yang singkat, apakah tempoh yang terjumlah kepada tempoh masa singkat yang doktor maksudkan tempoh masukkan objek dalam kemaluan pesakit?
>
> SP5: Kemungkinan pada kemasukkan pertama boleh berlaku kesan pada kemaluan pesakit
>
> TPR: Maksud doktor tempoh kemasukkan pertama ini sekejap atau lama?
>
> SP5: Sekejap

TPR: Berapa minit?

SP5: Boleh berlaku kurang dari seminit

TPR: Kalau tempoh kurang seminit kemasukkan objek tumpul ini, ianya memerlukan kemasukkan yang bagaimana?

SP5: I*a boleh terjadi jika ada kemasukkan secara paksaan atau secara ganas*.

[54] Faktor tiada kerelaan terhadap perlakuan OKT itu ditonjolkan lagi dengan tindakan SP15 yang melarikan diri ke dalam tandas dan mengunci pintu. Kemudiannya selepas kejadian rogol itu, SP15 membuat catitan pada diarinya pada tarikh tersebut berkenaan perasaannya pada ketika itu yang benci pada dirinya kerana merasa kotor, jijik dan hina apabila diperlakukan sedemikian rupa oleh OKT.

[55] Seterusnya, tindakan SP15 yang menghubungi SP3 untuk mengadu dan mendapatkan pertolongan dan kemudiannya berlari, menahan serta melambai ke arah kenderaan SP16 untuk mendapatkan bantuan serta mengadu perbuatan OKT terhadapnya adalah konsisten sebagai suatu tindakan yang munasabah bagi seseorang yang menjadi mangsa rogol yang tidak rela dengan apa yang berlaku ke atas dirinya.

[56] Kesemua tindak-tanduk SP15 sebelum dan selepas kejadian sebagaimana dinyatakan di atas adalah relevan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 dan merupakan keterangan sokongan yang kuat untuk menyokong keterangan SP15 khususnya, bahawa OKT telah merogol SP15 dan SP15 tidak rela dengan perbuatan tersebut. Diperturunkan peruntukan tersebut sebagaimana berikut:

Section 8 Motive, preparation and previous or subsequent conduct.

(1) Any fact is relevant which shows or constitutes a motive or preparation for any fact in issue or relevant fact.

(2) The conduct of any party, or of any agent to any party, to any suit or proceeding in reference to that suit or proceeding, or in reference to any fact in issue therein or relevant thereto, and the conduct of any person an offence against whom is the subject of any proceeding, is relevant if the conduct influences or is influenced by any fact in issue or relevant fact, and whether it was previous or subsequent thereto.

Explanation 1 — The word 'conduct' in this section does not include statements unless those statements accompany and explain acts other than statements; but this explanation is not to affect the relevancy of statements under any other section of this Act.

Explanation 2 — When the conduct of any person is relevant any statement made to him or in his presence and hearing which affects his conduct is relevant.

ILLUSTRATIONS

(j) *The question is whether A was ravished.*

The facts that shortly after the alleged rape she made a complaint relating to the crime, the circumstances under which and the terms in which the complaint was made are relevant.

The fact that without making a complaint she said that she had been ravished is not relevant as conduct under this section, though it may be relevant —

(i) as a dying declaration under section 32(1)(a); or

(ii) as corroborative evidence under section 157.

[57] Selain itu, ketidakrelaan SP15 terhadap perbuatan OKT dapat dilihat oleh mahkamah ini melalui keterangan SP3 dan SP16 yang secara jelas menceritakan reaksi SP15 ketika beliau berkomunikasi dengan mereka. Keterangan SP16 mengesahkan bahawa SP15 kelihatan cemas, ketakutan, sedih dan menangis semasa SP15 meminta pertolongan daripadanya. Manakala SP3 yang menerima aduan daripada SP15 pula mengesahkan bahawa beliau mendengar SP15 bercakap dalam keadaan panik dan menangis semasa menceritakan dirinya dirogol.

[58] Keadaan SP15 yang dilihat cemas, ketakutan, sedih dan menangis ini juga boleh diterima sebagai keterangan sokongan bagi mengesahkan kejadian yang berlaku itu dan turut menunjukkan adanya faktor tidak rela terhadap kejadian tersebut. Dalam kes *Public Prosecutor v Emran bin Nasir* [1987] 1 MLJ 166; [1986] 1 LNS 69, mahkamah telah mengatakan:

> That evidence of the distress of the victim of a sexual offence, soon after the offence, can be regarded as corroboration. I therefore so regard the evidence of Sali, that she looked afraid and was crying when she emerged from the inspector's office.

[59] Sehubungan dengan analisa ke atas keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan dan kes-kes yang dirujuk di atas, maka adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa elemen kedua ini juga telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

Pembelaan OKT yang diketengahkan semasa kes pendakwaan

[60] Sebelum mahkamah membuat rumusan ke atas penemuan di akhir kes pendakwaan ini, mahkamah berpendapat adalah wajar untuk mahkamah ini memberi pertimbangan ke atas pembelaan yang dibangkitkan oleh OKT semasa kes pendakwaan (penilaian maksima) sebagaimana yang dituntut dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457 (MP).

[61] Pembelaan OKT yang diketengahkan di peringkat pendakwaan antara lainnya adalah dicadangkan bahawa koyakan baru dan kesan geseran atau 'abrasion' yang ditemukan pada kemaluan SP15 adalah disebabkan oleh perbuatan SP15 sendiri yang melakukan onani. Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati SP15 tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Malah, pegawai perubatan O&G iaitu SP5 dalam keterangannya mengesahkan bahawa ketika beliau membuat pemeriksaan terhadap SP15, beliau tidak pernah pada bila-bila masa dimaklumkan oleh SP15 berkenaan apa-apa perbuatan 'masturbation' atau 'self pleasure'.

[62] Maka sehingga adanya keterangan lain yang boleh menunjukkan perbuatan onani itu berlaku, cadangan peguam bela OKT itu hanya tinggal setakat cadangan pembelaan sahaja dan bukannya suatu keterangan pihak pembelaan. Oleh itu, cadangan sebegini tidak boleh dijadikan suatu asas untuk menolak fakta yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Dalam kes *Mirza Murtala v Public Prosecutor* [2010] 5 MLJ 616; [2010] 4 CLJ 150, mahkamah telah menyatakan:

> With regard to this, we are conscious of the trite principle of law that suggestions made to the prosecution's witnesses at the prosecution's stage by the defence are not evidence and remains mere suggestions — see *Public Prosecutor v Dato Seri Anwar bin Ibrahim* [1999] 2 MLJ 121; [1999] 2 CLJ 215 approving *Emperor vKarimuddi Sheikh* AIR [1932] Cal 375. Hence, we are of the view that was put to the witness SP6 was just a proposition unsupported by evidence and successfully refuted by the prosecution.

[63] Selain itu, peguam bela OKT dalam penghujahannya mengatakan bahawa tidak berlaku hubungan seks antara OKT dan SP15 pada masa kejadian kerana tiada bukti forensik DNA yang didapati di tempat kejadian, pada pakaian SP15 dan barang-barang kes lain yang dirampas yang boleh mengesahkan kejadian dan cerita SP15 itu benar-benar berlaku.

[64] Bagi isu ini, mahkamah berpendapat dalam kes rogol ianya bukan suatu keperluan undang-undang untuk mengemukakan keterangan forensik yang menunjukkan adanya DNA atau air mani tertuduh pada mangsa, pakaian atau di tempat kejadian untuk pembuktian elemen kemasukan kemaluan tertuduh dalam kemaluan mangsa (rujuk kes *Ahmad Faizal Ali bin Aulad Ali & Ors v Public Prosecutor* [2010] 2 MLJ 547; [2009] 9 CLJ 745). Bukti forensik seperti DNA hanya boleh dijadikan sebagai keterangan sokongan bagi kes-kes sebegini. Dalam menggarap persoalan yang sama, mahkamah ini ingin berkongsi pandangan dan bersetuju dalam keputusan kes *Othman @ Mustafa bin Ahmad lwn Pendakwa Raya* [2008] 5 MLJ 707; [2008] 10 CLJ 356 di mana YA Zainal Azman Abdul Aziz menyuarakan pandangannya seperti berikut:

(1) Ujian atau laporan DNA ke atas tertuduh bukanlah sesuatu yang mandatori dan ketiadaan ujian sedemikian tidaklah fatal kepada kes pendakwaan. Ini kerana pihak pendakwaan boleh mengemukakan keterangan-keterangan lain bagi mengasaskan kes mereka dan keterangan DNA hanyalah keterangan sokongan sahaja. Dalam kes ini, walaupun tiada keterangan DNA, fakta berlakunya rogol boleh didapati daripada keterangan mangsa sendiri dan juga keterangan saksi-saksi lain. (perenggan 13 & 14).

[65] Mahkamah ini turut mengambil pedoman terhadap kes *Kong Hong Lai v Public Prosecutor* [2011] 7 CLJ 700 di mana YA Sulong Matjeraie HMR menzahirkan pandangannya sebagaimana berikut:

(3) The offence of rape was committed when there was penetration without consent. *Accordingly, the non-finding of seminal stains did not mean there was no penetration without consent*. Although there were no seminal stains found, there were other evidences which supported the complainant's story of penetration. Thus, this court agreed with the findings of the High Court that there was penetration when the appellant had sexual intercourse with the complainant without her consent (paras 2 & 4).

[66] Dalam kes ini, mahkamah mendapati SP15 adalah seorang saksi kredibel dan keterangannya adalah meyakinkan. Malah, keterangannya disokong oleh keterangan pegawai perubatan O&G iaitu SP5 dan juga disokong oleh keterangan saksi-saksi yang lain termasuk keterangan dokumen. Oleh yang demikian, walaupun tanpa bukti DNA atau forensik secara amnya, elemen kemasukan kemaluan OKT itu telah dibuktikan dengan berdasarkan kepada keterangan mangsa iaitu SP15 dan juga keterangan-keterangan sokongan yang lain itu.

[67] Hujahan peguam bela yang bijaksana yang seterusnya ialah bahawa tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa SP15 mengalami lebam atau kecederaan walaupun SP15 mengatakan bahawa beliau ada melawan semasa dirogol. Memang mahkamah mendapati tiada kecederaan atau lebam dikesan pada bahagian luaran tubuh SP15 sebagaimana disahkan oleh SP6. SP15 juga mengakui beliau tidak mengalami kecederaan di mana-mana bahagian badan melainkan kesan kemerahan sahaja di tangan.

[68] Walaupun begitu, adakah hanya dengan mengalami kecederaan atau lebam sahaja akan menyebabkan perbuatan OKT merogol dan tindakan SP15 melawan itu baru boleh dibuktikan? Jawapannya adalah TIDAK. Dalam hal ini, mahkamah menerima keterangan SP6 bahawa tidak semestinya semua mangsa kes rogol akan mengalami kecederaan dan ketiadaan kecederaan pada mangsa rogol tidak semestinya menunjukkan kejadian rogol itu tidak berlaku. Berikut adalah keterangan SP6 yang relevan:

TPR: Berdasarkan pengalaman doktor dari tahun 2019, enam tahun sebagai pegawai perubatan adakah dalam setiap kes rogol mesti mangsa mengalami kecederaan atau kesan lebam?

SP6: Tidak semestinya.

TPR: Berdasarkan pengalaman doktor adakah terdapat kes rogol yang doktor sendiri membuat pemeriksaan tiada kesan kecederaan atau lebam tetapi doktor pakar mengesahkan terdapatnya rogol?

SP6: Ya, pernah.

[69] Berkenaan isteri OKT yang dikatakan oleh pembelaan bahawa beliau tinggal di rumah itu semasa kejadian rogol itu berlaku dan ASP Masliza yang menyiasat berkenaan satu laporan polis yang mendakwa adanya penglibatan konspirasi politik, pembelaan berhujah bahawa kedua-dua penama ini perlu dipanggil dan kegagalan memanggil mereka menyebabkan inferens memudaratkan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai.

[70] Dalam hal ini, sungguhpun isteri OKT tinggal di rumah tersebut, namun keterangan di depan mahkamah buat masa ini menunjukkan semasa kejadian, isteri OKT tidak berada di tempat kejadian melalui keterangan CCTV. Selain itu, tiada apa-apa keterangan yang kukuh boleh mengaitkan kejadian ini dengan konspirasi politik yang disiasat oleh ASP Masliza sebagaimana yang didakwa oleh pembelaan. Oleh yang demikian, mahkamah mendapati kes pendakwaan tidak tergugat walaupun tanpa kedua-dua penama ini dipanggil. Penama-penama ini ada ditawarkan kepada pihak pembelaan dan di hadapan mahkamah ini, keseluruhan naratif kes pihak pendakwaan telah dibentangkan dan saksi yang material serta penting juga telah pun dipanggil untuk memberikan keterangan.

[71] Apatah lagi, adalah terletak pada budi bicara pihak pendakwaan untuk menentukan jumlah saksi yang perlu dipanggil untuk membuktikan kes mereka dan memastikan tiada kelompangan di dalam kes pendakwaan serta memastikan keterangan adalah kredibel dan dipercayai. Oleh yang demikian itu, mahkamah ini berpendapat anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh dikenakan atas pihak pendakwaan dalam keadaan kes ini (rujuk kes *Khoon Chye Hin v Public Prosecutor* [1961] 1 MLJ 105b dan *Abdullah Zawawi v Public Prosecutor* [1985] 2 MLJ 16; [1985] CLJ Rep 19; [1985] 2 CLJ 2).

[72] Pihak pembelaan dalam penghujahannya turut mempertikaikan berkenaan keterangan saksi-saksi yang dikatakan bercanggah antara satu sama lain mengenai tempoh masa kawan OKT iaitu SP22 serta isteri OKT masuk dan keluar dari kawasan perumahan OKT. Selain percanggahan berkisar pada perkara tersebut, turut dibangkitkan isu percanggahan pada keadaan cadar dan

selimut di tempat kejadian, perbezaan masa CCTV dengan keterangan saksi-saksi, perbezaan masa panggilan telefon, perbezaan nombor telefon dan juga perbezaan keterangan SP13 dengan laporan polisnya berhubung perkara yang diketahuinya sama ada SP15 dilayan secara tidak adil ataupun SP15 dirogol sebagaimana yang dinyatakan dalam penyataan saksinya.

[73] Setelah meneliti isu-isu yang dikatakan sebagai percanggahan ini, mahkamah berpendapat percanggahan tersebut adalah tidak material dan bersifat percanggahan kecil kerana ianya tidak menjejaskan keterangan SP3, SP5, SP15 dan SP16 berkenaan elemen-elemen pertuduhan dan keterangan sokongan yang ada. Malah, terdapat penjelasan oleh saksi-saksi pendakwaan tentang kenapa perbezaan keterangan itu berlaku.

[74] Dalam kes *Ahmadi Moharam Lotfollah v Public Prosecutor* [2014] 1 LNS 334 dinyatakan sebagaimana berikut:

> [33] *We agree with the learned trial judge that there was a discrepancy in the evidence of these witnesses and that the discrepancy is minor. It was clearly borne out from their testimonies and the explanation given in court*. Suffice it to say that the learned trial judge who is entrusted with the duty of assessing the evidence given by the witnesses before her had rightly concluded and made the finding in the way she did.
>
> [34] It is trite that the issue on the credibility of a witness is a finding made by a trial judge which we will always be slow to interfere. The court must always take cognizance about human fallibility and the different mental faculties of witnesses. *Minor discrepancies is excusable and no two witnesses can be expected to give the exact details of each occurrence of events especially after a lapse of some time*.
>
> *Ordinarily witnesses cannot be expected to recall accurately the sequence of events which had taken place*.
>
> *No two persons would possess the same power of observation, retention, recollection and of course, memory*. (*Bharwada Bhoginbhai Hirjibhai vs State of Gujarat* AIR 1983 SC 753). As observed by Raja Azlan Shah FJ (as His Highness then was) in *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15; [1976] 1 LNS 180.

[75] Dalam hal ini juga, mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa adanya percanggahan yang kecil itu menunjukkan saksi-saksi berkata benar dan tidak mereka-reka keterangan mereka. Ini kerana di dalam setiap kes pastinya wujud sedikit percanggahan seperti mana yang telah diputuskan di dalam kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris (No 2)* [1977] 1 MLJ 15; [1977] 1 LNS 92.

[76] Adanya percanggahan yang sedikit dan kecil itu tidak akan menyebabkan keterangan saksi-saksi terutamanya SP3, SP13, SP15, SP19, SP20 dan SP22 tidak boleh diterima. Adalah menjadi prinsip undang-undang

yang mantap bahawa adanya percanggahan dalam keterangan seseorang saksi tidak secara langsung menjadikan saksi tersebut tidak boleh dipercayai dan membuatkan keseluruhan keterangannya tidak dapat diterima (rujuk kes *Mohamed Alias v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 172; [1981] 1 LNS 200, kes *Chean Siong Guat v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 63; [1969] 1 LNS 23 dan kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun Idris*).

[77] Oleh yang demikian, percanggahan kecil sedemikian tidak menjejaskan keterangan saksi-saksi berkenaan kejadian rogol itu sekaligus tidak melemahkan kes pendakwaan.

[78] Justeru itu, mahkamah mendapati pembelaan-pembelaan yang diketengahkan oleh OKT di peringkat kes pendakwaan ini tidak berjaya menggugat atau mencabar kepercayaan mahkamah ini terhadap keterangan-keterangan dan fakta yang telah dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[79] Berdasarkan kepada pemerhatian dan dapatan-dapatan di atas dengan memberi pertimbangan kepada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, jawapan kepada pemeriksaan balas oleh pihak pembelaan, dengan mengambil kira ekshibit-ekshibit yang dikemukakan serta hujahan-hujahan pihak pendakwaan dan pembelaan, maka mahkamah telah memberi penilaian maksima ke atas keseluruhan keterangan sebagaimana yang dituntut dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65, kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar*, kes *Balachandran v Public Prosecutor* dan kes *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805.

[80] Maka adalah menjadi keputusan mahkamah ini bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT sebagaimana pertuduhan. Sehubungan dengan itu, OKT dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan tersebut.

PEMBELAAN

Pembelaan OKT

[81] Teras kes pembelaan bukan hanya bergantung kepada keterangan bersumpah di kandang saksi oleh OKT sebagai SD1, tetapi juga dibantu dengan dua orang saksi pembelaan yang lain iaitu isteri OKT sebagai SD2 dan adik ipar kepada ibu SP15 iaitu Muhammad Rusdi sebagai SD3.

[82] Menurut OKT, beliau telah berkahwin dengan isteri yang bernama Too Choon Looi (SD2) dan mempunyai empat orang anak. Anak sulung beliau bernama A. Anak kedua beliau bernama B. Anak ketiga beliau bernama C dan anak keempat beliau bernama D.

[83] OKT, SD2 , anak bongsu yang bernama D dan pembantu rumah bernama Awang (SP15) tinggal di rumah alamat No 52, Jalan Desa Meru 2, Meru Desa Park, Bandar Meru Raya 30020 Ipoh, Perak ('rumah tersebut') pada Julai tahun 2019. SP15 telah dibawa menjadi pembantu rumah dalam rumah tersebut sejak 8 Mei 2019.

[84] Di rumah tersebut terdapat lima bilik, di mana satu bilik untuk anaknya bernama C, satu bilik untuk anaknya bernama A, satu bilik untuk anak bernama D, satu bilik untuk anak bernama B dan satu bilik untuk OKT dan SD2. Pembantu rumah OKT iaitu SP15 pula akan tidur sama ada di bilik A atau di bilik C.

[85] Rumah tersebut dikatakan tidak mempunyai alarm ataupun CCTV dan pada waktu malam, pintu rumah tersebut akan dikunci. Terdapat tiga set kunci rumah untuk rumah tersebut yang mana satu set kunci dipegang oleh OKT, satu set kunci dipegang oleh SD2 dan satu lagi set kunci diletakkan di atas meja di tepi tangga seperti dalam P2(10) dan akan digunakan untuk sesiapa yang ingin keluar dari rumah tersebut.

[86] Urusan untuk mendapatkan pembantu rumah adalah dikendalikan oleh SD2 dan SD2 akan memaklumkan kepada OKT sekiranya ada apa-apa yang berlaku. SD2 juga akan memberi arahan dan mengajar SP15 untuk membersihkan rumah dan membuat kerja rumah. SP15 pernah meminta telefon bimbit daripada OKT dan SD2, akan tetapi OKT dan SD2 telah menolak permintaan tersebut kerana tidak ada keperluan untuk SP15 menggunakan telefon bimbit.

[87] Pada 7 Julai 2019, lebih kurang pukul 8 pagi, Encik Lee Yeong Wai, SP22 telah datang ke rumah OKT dengan menaiki kenderaan Toyota Alphard yang mempunyai nombor pendaftaran PLV 8383. Selepas itu, OKT dan SD2 bersama anak ketiga mereka, C dan anak keempat mereka bernama D, telah pergi ke restoran untuk makan Dim Sum. Selepas makan pagi, SP22 telah menghantar anak bongsu mereka, D balik ke rumah tersebut.

[88] Selepas itu, SP22 bersama dengan OKT, SD2 dan C telah bertolak ke Kuala Lumpur manakala D dan SP15 berada di rumah tersebut. OKT dan SD2 telah menghantar anak ketiga mereka iaitu C ke Kuala Lumpur.

[89] Setelah mereka pulang kembali ke rumah tersebut, OKT dan SP22

telah berada di kawasan belakang sebelah kanan luar rumah tetapi masih di dalam pekarangan rumah yang berpagar dan bersembang manakala SD2 telah masuk ke dalam rumah. Sebentar kemudian, OKT telah mendengar bunyi enjin kenderaan dihidupkan dan OKT beranggapan bahawa isteri beliau, SD2 dan anak beliau telah keluar daripada rumah.

[90] Selepas itu, OKT mendengar pula bunyi enjin kenderaan masuk ke dalam rumah tersebut dan OKT beranggapan bahawa SD2 dan anak beliau telah balik ke rumah. Pada masa tersebut, OKT masih berada di kawasan pekarangan rumah bersembang dengan SP22. Semasa OKT berbual-bual dengan SP22 di kawasan pekarangan rumah tersebut, OKT masih memakai baju dan seluar yang sama seperti beliau pergi ke Kuala Lumpur iaitu baju t-shirt berkolar warna hitam atau biru gelap dan seluar panjang berwarna hitam.

[91] Kemudianya sebelum SP22 beredar balik, OKT ada memberitahu SP22 bahawa kunci pintu gril rumah telah rosak dan OKT meminta SP22 untuk mencari kontraktor untuk membaiki kerosakan kunci rumah tersebut. Selepas SP22 telah beredar, OKT telah masuk ke dalam rumah tersebut dan OKT nampak SD2 dan anak bongsu beliau bernama D berada di dapur. Pada masa itu, D sedang makan dan OKT berbual-bual dengan mereka di dapur.

[92] Kemudian, OKT telah naik ke tingkat atas, masuk ke bilik tidur dan mandi dan telah bersalin dan memakai satu baju T-shirt kelabu dan seluar pendek berwarna coklat seperti dalam P2(52). Ketika OKT mandi, SD2 juga naik ke atas. Selepas itu, OKT masuk tidur bersama SD2. Pada malam tersebut jam lebih kurang 9.30 malam, OKT ada mengadakan hubungan seks dengan SD2. Selepas itu, OKT dan SD2 terus tidur di dalam bilik.

[93] Pada 8 Julai 2019 jam 8 pagi lebih, OKT telah keluar pergi ke kerja dan kemudian pergi ke satu program perasmian bangunan bomba di Meru yang berlangsung berdekatan dengan rumah OKT. Selepas program tersebut selesai, pemandu OKT telah membawa OKT balik ke rumah tersebut untuk minum air dan ke tandas. Ketika sampai di rumah, OKT melihat SP15 sedang berdiri di luar rumah dan SP15 ada memegang kunci rumah dan seolah-olah SP15 sedang menunggu seseorang. OKT ada memberitahu SP15 supaya masuk ke dalam rumah memandangkan SP15 menyatakan beliau berasa panas. Selepas OKT minum air dan pergi ke tandas, OKT telah keluar dari rumah tersebut.

[94] Pada jam lebih kurang 2 petang, OKT telah dihubungi oleh SD2 dan SD2 memberitahunya bahawa SP15 telah membuat aduan mengatakan OKT telah merogol SP15. Kemudian, OKT terus balik ke rumah untuk mengetahui lebih lanjut apa yang telah berlaku.

[95] OKT percaya kejadian ini adalah muslihat politik dan ia merupakan rekaan daripada SP15 sewenang-wenangnya kerana beliau ingin pulang ke kampung halaman beliau. OKT telah menyatakan bahawa beliau tidak pernah merogol SP15 pada 7 Julai 2019, pukul 8.15 malam hingga 9.15 malam. Keterangan OKT dikatakan telah disokong oleh keterangan SD2, SD3 dan keterangan saksi pendakwaan.

[96] SD2 juga telah memberi keterangan bahawa SD2 melihat kenderaan SP22 di luar rumah serta mendengar suara OKT sedang berbual-bual dengan SP22 apabila SD2 balik ke rumah selepas membeli makanan di McDonald. SD2 juga telah memberi keterangan bahawa beliau telah melakukan hubungan seks dengan suami beliau, OKT pada 7 Julai 2019 pada lebih kurang 9.30 malam sebelum masuk tidur.

BEBAN PEMBUKTIAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[97] Di akhir kes pembelaan, mahkamah hendaklah membuat pertimbangan maksima terhadap keseluruhan keterangan dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan melampaui sebarang keraguan yang munasabah terhadap OKT seperti diperuntukkan di bawah s 173(m) atau s 182A Kanun Tatacara Jenayah.

[98] Kes prima facie yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan hendaklah ditimbangkan semula dengan mengambil kira keterangan saksi-saksi pihak pembelaan sebelum memutuskan sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan pertuduhan melampaui sebarang keraguan yang munasabah.

[99] Dalam membuat penilaian terhadap kes pembelaan, mahkamah tidak boleh mensabitkan OKT atas pertuduhan sungguhpun versi pembelaan tidak boleh dipercayai dan tidak boleh diterima. OKT hanya boleh disabitkan sekiranya versi pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan (rujuk kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311 dan *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v Public Prosecutor* [2006] 2 MLJ 197; [2006] 1 CLJ 857).

[100] Beban pembuktian kebersalahan OKT sepanjang masa terletak di atas bahu pihak pendakwaan. OKT hanya mempunyai 'evidential burden' untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan (rujuk kes *Mohamed Yatin bin Abu Bakar v Public Prosecutor* [1950] 1 MLJ 57; [1949] 1 LNS 50).

[101] Dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005]

1 CLJ 85, Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan berkenaan beban pembuktian melampaui keraguan yang munasabah, seperti berikut:

> *Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case*. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.

[102] Seterusnya, dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Amin bin Mohd Razali & Ors* [2002] 5 MLJ 406; [2002] 5 CLJ 281 pula, Zulkefli Ahmad Makinudin J telah memberikan penjelasan tentang maksud peruntukan di bawah s 182A KTJ seperti berikut:

> It is clear that at the end of the trial, the court will have to weigh all the evidence that had been adduced and to make a ruling whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt or otherwise.
>
> Having weighed the evidence if the court is satisfied that the prosecution has proved the charge beyond reasonable doubt, the court will have to find the accused guilty of the charge and thereafter convict him. On the other hand, if the court rules that the prosecution has not proved the charge on the evidence adduced against the accused, then the accused will be acquitted and discharged. In other words, at the end of the trial the court will have to rule whether the defence has raised a reasonable doubt as to the truth of the prosecution's case or the guilt of the accused. This is because a case which has been proved beyond reasonable doubting itself involves the absence of a reasonable doubt. In support of the said proposition reference may be made to the case of *Mah Kok Cheong v R* [1953] 1 MLJ 46; [1953] 1 LNS 53 where his Lordship Spencer Wilkinson at p 47 stated the following:
>
> *... in ordinary criminal cases ... all discussions as to what might reasonably be true or what is consistent with innocence are both irrelevant and misleading*. Almost every defence put forward by an accused is consistent with innocence or it would not be put forward or would it be very good defence if it could not be reasonably be true. But whatever may be the defence to a criminal charge the sole question which a subordinate court has to ask itself at the conclusion of the trial is — Does the, defence raise a reasonable doubt as to the truth of the prosecution case or as to the accused's guilt? I say 'the sole question' advisedly because in this country the accused will not have been called on for a defence at all unless the prosecution have first proved a case ...

[103] Apa yang dimaksudkan dengan 'reasonable doubt' juga telah dibincangkan oleh Sharma J dalam kes *Public Prosecutor v Saimin &*

Ors [1971] 2 MLJ 16; [1971] 1 LNS 115, seperti berikut:

> It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge. It has been said that 'reasonable doubt' is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon your conscience, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there.

[104] Hakim Sharma J dalam kes yang sama seterusnya menyatakan:

> Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. *A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence*.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[105] Berbalik kepada kes pembelaan, mahkamah ini telah menimbangkan keterangan membela diri OKT dalam kes ini dan mendapati bahawa versi fakta pembelaan yang dikemukakan oleh keterangan OKT dan saksi-saksi pembelaan adalah bertentangan dengan versi fakta yang diberikan dalam keterangan saksi pendakwaan iaitu SP15, SP19 dan SP23.

[106] OKT dalam pembelaannya telah mengemukakan keterangan bahawa semasa kejadian rogol itu dikatakan berlaku, OKT sedang berada bersama dengan SP22 di belakang rumahnya dan kemudiannya beliau masuk ke dalam rumah bertemu dan berbual dengan SD2. Selepas itu, OKT naik ke tingkat atas rumah tersebut untuk mandi serta menukar pakaiannya dan seterusnya masuk ke dalam biliknya untuk tidur bersama SD2.

[107] Sehubungan itu, OKT menegaskan bahawa beliau tidak pernah melakukan perbuatan rogol ke atas SP15 tetapi sebaliknya mengatakan bahawa SP15 sengaja mereka-reka cerita dirinya dirogol untuk pulang ke kampung halamannya dan kejadian rogol ini disepakati dengan SP16 untuk diada-adakan sebagai satu muslihat politik untuk menjatuhkan OKT.

[108] Menurut OKT, pada malam 7 Julai 2019 itu OKT telah duduk bersembang dengan SP22 di bahagian belakang sebelah kanan rumahnya dan pada ketika itu, SD2 telah keluar untuk membeli makanan di McDonald. OKT mendakwa ketika SD2 pulang dari membeli makanan di McDonald, OKT masih duduk bersembang dengan SP22 di belakang rumah tersebut.

SD2 juga mengesahkan bahawa ketika beliau balik dari membeli makanan, SD2 masih mendengar suara SP22 dan nampak kenderaan SP22 masih ada di parkir di hadapan rumahnya itu.

[109] Selepas itu, OKT telah memberitahu SP22 bahawa kunci pintu gril telah rosak dan meminta SP22 mencari kontraktor untuk membaiki kunci pintu tersebut. Pada masa ini juga, OKT mengatakan telah menunjukkan pintu gril yang rosak itu kepada SP22. SD2 juga turut mengesahkan bahawa SP22 ada masuk ke dalam rumah memeriksa pintu gril tersebut. Kemudian selepas SP22 beredar balik ke rumahnya, barulah OKT masuk ke dalam rumah berbual sekejap dengan SD2 dan seterusnya naik ke atas rumah untuk mandi, salin pakaian yang dipakai sejak pulang dari KL dan terus masuk tidur.

[110] Apa yang cuba dikatakan oleh pembelaan pada keterangan ini adalah OKT tidak pernah ditinggalkan berduaan bersama SP15 di rumah tersebut pada malam itu dan semasa SD2 pergi membeli makanan, SP22 masih berada di belakang rumah bersama OKT dan bersembang bersama OKT. SP22 hanya beredar pulang ke rumahnya selepas SD2 pulang dari membeli makanan di McDonald dan selepas itu, OKT masuk ke dalam rumah dalam keadaan masih memakai pakaian yang dipakai ketika pergi ke Kuala Lumpur.

[111] Oleh itu, tiada kejadian OKT meletakkan seluar yang dipakainya itu ke dalam bakul ketika SP15 sedang menggosok pakaian sebagaimana diceritakan oleh SP15 dan tiada kejadian OKT ditinggalkan hanya berduaan di rumah tersebut bersama SP15 yang membolehkan wujud kemungkinan berlakunya kejadian rogol ke atas SP15.

[112] Keterangan OKT disokong oleh satu-satunya keterangan SD2. Walaupun SD2 merupakan saksi berkepentingan kerana beliau adalah isteri OKT dan kehidupan keluarga disara sepenuhnya oleh OKT, namun tiada anggapan undang-undang yang meletakkan kedudukan keterangan saksi berkepentingan seperti SD2 sebagai keterangan yang tidak boleh dipercayai. Keterangannya layak untuk dipercayai sehingga ada alasan yang munasabah untuk tidak mempercayainya boleh didapati daripada keterangan-keterangan yang ada dan keadaan sekeliling (rujuk kes *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] 1 MLJ 193; [1959] 1 LNS 8).

[113] Berkenaan versi pembelaan ini, mahkamah ini kembali merujuk kepada kronologi berdasarkan keterangan rakaman CCTV pondok pengawal keselamatan Meru Desa Park di eksh P15B(3) dan P15B(4) sebagaimana berikut:

(a) kamera 1 bertarikh 7 Julai 2019 jam 8:21:45 pagi, kelihatan kenderaan Toyota Alphard berwarna hitam nombor PLV 8383 yang dipandu SP22 menghala keluar dari Meru Desa Park (juga merujuk kepada eksh P4(1–9));

(b) kamera 1 bertarikh 7 Julai 2019 jam 8:25:45 malam, kelihatan kenderaan Toyota Alphard berwarna hitam telah menghala masuk ke Meru Desa Park (juga merujuk kepada eksh P4(1-9). Walaupun nombor pendaftaran kenderaan di dalam rakaman CCTV ini tidak kelihatan, namun SP22 telah menjelaskan di dalam keterangannya bahawa beliau bersama OKT dan isteri OKT telah sampai ke rumah OKT pada 7 Julai 2019 jam lebih kurang 8.30 lebih. Merujuk kepada perenggan 4 PS-SP22, SP22 menyatakan:

> Pada 07 Julai 2019 jam lebih kurang 8.30 lebih saya bersama YB Yong dan isteri YB Yong telah sampai di rumah YB Yong.

(c) kamera 4 bertarikh 7 Julai 2019 jam 8:37:50 malam, kelihatan kenderaan yang dipandu SP22 jenis Toyota Alphard No Pendaftaran PLV 8383 menghala keluar dari Meru Desa Park. SP22 melalui keterangannya telah menyatakan bahawa beliau telah memandu kenderaan beliau pulang ke rumah. Merujuk kepada perenggan 5 PS-SP22, SP22 menyatakan:

> Selepas saya berbual lebih kurang 20 hingga 30 minit dengan YB Yong hal biasa saya telah beredar dari rumah YB Yong balik ke rumah menaiki kereta yang sama iaitu jenis Toyota Alphard No Pendaftaran PLV 8383.

(d) kamera 3 bertarikh 7 Julai 2019 jam 8:48:37 malam, kelihatan kenderaan Toyota Vellfire nombor pendaftaran BVY 8858 menghala keluar dari Meru Desa Park; dan

(e) kamera 2 bertarikh 7 Julai 2019 jam 9:01:18 malam, kelihatan kenderaan Toyota Vellfire nombor pendaftaran BVY 8858 menghala masuk Meru Desa Park.

[114] Berdasarkan keterangan CCTV tersebut, kenderaan SP22 masuk pada jam 8.25 malam dan keluar pada jam 8.37 malam manakala kenderaan SD2 pula keluar pada jam 8.48 malam dan masuk pada jam 9.01 malam. Dalam keadaan ini, adalah tidak munasabah apabila SP22 dikatakan masih berada di rumah tersebut semasa SD2 pergi dan pulang dari MacDonald, sedangkan rakaman CCTV dengan jelas menunjukkan bahawa SP22 terlebih dahulu telah keluar dari rumah tersebut sebelum SD2 keluar bersama anaknya D untuk pergi ke McDonald.

[115] Mahkamah juga mendapati keterangan SD2 dilihat meragukan dan tidak menyakinkan apabila gagal memberikan jawapan yang munasabah

apabila dirujuk dengan gambar rakaman CCTV di eksh P4(2) dan P4(3). Walaupun pembelaan membangkitkan isu ketepatan masa dalam rakaman CCTV tersebut dengan mengambil kira keterangan SP22 yang menyatakan bahawa beliau telah sampai di rumahnya pada jam 9.20 malam dan perjalanan dari rumah OKT balik ke rumahnya itu dikatakan adalah selama 20 minit, namun SP22 telah menjelaskan bahawa masa yang diberikan itu adalah berdasarkan anggarannya sahaja. Mahkamah ini merujuk keterangan SP22 yang menyatakan seperti berikut:

> TPR: Dengan izin YA. Tadi kamu kata jarak daripada rumah YB Yong ke rumah kamu jarak dalam masa 20 minit. Itu anggaran sahaja atau tepat?
>
> SP22: Itu anggaran estimate sahaja.
>
> TPR: Masa peguam tanya tadi berkenaan masa kamu sampai di rumah YB Yong pukul 8.30 malam dan sampai rumah kamu semula pukul 9.20 malam. Adakah itu waktu yang tepat atau anggaran kamu sahaja?
>
> SP22: Anggaran sahaja.

[116] Selain itu, pembelaan dalam membangkitkan isu ketepatan masa turut menyentuh berkenaan catatan masa pada rakaman CCTV di restoran MacDonald yang dikatakan bercanggah dengan catatan masa CCTV di pondok pengawal keselamatan Meru Desa Park itu. Dalam hal ini, mahkamah ini mendapati terdapat penjelasan yang diberikan oleh SP19 berhubung percanggahan masa tersebut. Menurut SP19 dalam perenggan 10 dan 14 penyataan bertulis PS-SP19, masa yang direkodkan dalam rakaman CCTV yang dipasang di pondok pengawal keselamatan Meru Desa Park adalah lebih cepat sepuluh minit dari waktu sebenar manakala masa yang direkodkan dalam rakaman CCTV yang dipasang di McDonald pula lambat tujuh minit dari waktu yang sebenar.

[117] SP19 telah membandingkan masa dalam rakaman CCTV tersebut dengan masa pada jam yang dipakai beliau dan masa pada jamnya itu ditetapkan mengikut masa negara (Malaysia) di mana SP19 tinggal. Berikut merupakan keterangan lanjut SP19 mengenai perkara tersebut:

> TPR: Pohon dimainkan sekali lagi, rakaman terakhir tadi, kamera 4, 8 Julai 2019 jam 13:23:39 tengahari. Rujuk kepada muka surat 5, perenggan 10, kamu kata rakaman CCTV adalah cepat 10 minit daripada waktu sebenar. Rakaman CCTV yang mana? Decoder sahaja? Cepat 10 minit maksudnya keseluruhan masa atau certain kamera atau macam mana, boleh jelaskan?
>
> SP19: Semasa saya melihat rakaman CCTV saya melihat masa di semua CCTV di dalam decoder yang sama dibandingkan dengan masa yang tertera di jam tangan saya mempunyai perbezaan lebih kurang 10 minit.
>
> TPR: Kamu kata kamu bandingkan dengan jam tangan kamu, jam tangan kamu bagaimanakah masa dalam jam tangan kamu, adakah tepat, cepat ataupun lambat?

SP19: Jam tangan yang saya gunakan di set secara automatik mengikut negara yang kita sedang tinggal dan ianya tepat jika dibandingkan melalui google di telefon bimbit.

[118] Selain SP19, saksi SP21 yang merupakan 'maintenance supervisor' Meru Desa Park juga telah mengesahkan bahawa catatan masa pada rakaman CCTV di pondok pengawal keselamatan Meru Desa Park adalah lebih cepat sepuluh minit dari waktu sebenar. Ini mengesahkan penjelasan yang diberikan oleh SP19 dan diterima oleh mahkamah ini.

[119] Selain itu, tanpa mengambil kira perbandingan masa dalam rakaman CCTV di pondok pengawal keselamatan Meru Desa Park dengan masa dalam rakaman CCTV di MacDonald serta masa sebenar di Malaysia sekalipun, mahkamah ini mendapati rakaman CCTV di pondok pengawal keselamatan Meru Desa Park itu jelas menunjukkan bahawa kenderaan yang dipandu oleh SP22 telah terlebih dahulu meninggalkan kawasan rumah OKT sebelum kenderaan yang dinaiki oleh SD2 keluar dari kawasan rumah OKT itu.

[120] Oleh yang demikian, mahkamah ini bersetuju dengan pihak pendakwaan bahawa pembelaan OKT yang mengatakan kejadian rogol ke atas SP15 tidak mungkin berlaku kerana pada masa tersebut SP22 masih berada di rumah OKT adalah tidak boleh dipercayai dan merupakan penafian semata-mata. Ketiadaan SP22 di rumah OKT pada tempoh masa kejadian telah dibuktikan melalui keterangan SP22 sendiri yang disokong dengan keterangan digital (CCTV) dan tidak dapat disangkal (*rebutted*) oleh keterangan OKT dan SD2.

[121] Apatah lagi, terdapat keterangan yang melimpah ruah ('overwhelming') daripada SP15 dan disokong oleh keterangan SP5 berkenaan wujudnya koyakan baru pada kemaluan SP15 yang membuktikan adanya kejadian rogol tersebut serta keterangan-keterangan sokongan yang lain yang jelas menunjukkan kejadian rogol itu benar-benar berlaku.

[122] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa penafian bukanlah suatu pembelaan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Dalam kes *Mr Losali v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 694 ms 709; [2012] 2 CLJ 178; [2011] 1 LNS 501 telah diputuskan oleh YA Abdul Malik Ishak (HMR) di perenggan 54–55 seperti berikut:

[53] The learned trial judge rightly held that the defence of the appellant was a bare denial. *It is trite law that the defence of bare denial is no defence. What this amounts to is this. That the appellant did not offer any explanation to the two charges and merely denied the evidence advanced by the prosecution. That was indeed a perilous course to undertake*.

A [54] The bare denial cannot in law raise a reasonable doubt and the appellant must be convicted for both the charges. Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (as His Majesty then was) in *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195; [1980] 1 LNS 12, had this to say in regard to the defence of simple denial:

B The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution case against the appellant. (Penekanan ditambah.)

C

[123] Dalam kes *Rahani Ahmad lwn Public Prosecutor* [2013] 1 LNS 1536 pula di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

D [32] Pembelaan tidak membawa apa-apa keterangan bagi membolehkan hakim bicara membuat pertimbangan sama ada perayu telah berjaya mengakas andaian di bawah s 37(da) Akta 234 atas imbangan kebarangkalian.*Pembelaan hanya membuat penafian kosong (bare denial) mengenai milikan dan pengetahuan. Penafian ini, pada pandangan kami tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan*. (Penekanan ditambah.)

E

[124] Dalam meneliti versi pembelaan ini, perhatian dan penilaian mahkamah bukan hanya terarah kepada keterangan pembelaan sahaja, tetapi penilaian mahkamah ini adalah secara menyeluruh kepada semua keterangan yang dikemukakan. Jika disorot kembali kepada soalan-soalan soalbalas F terhadap SP22 ketika kes di peringkat pendakwaan, tidak pula diletakkan dan dicadangkan kepada SP22 bahawa beliau ada diberitahu tentang kerosakan pada pintu gril di rumah tersebut oleh OKT. SP22 juga tidak dicadangkan bahawa OKT ada memintanya membaiki pintu gril tersebut dan ditunjukkan pintu gril itu ketika SD2 telah pulang dari McDonald dan melihat kejadian itu.

G

[125] Lebih parah lagi, SP22 langsung tidak ditanya atau dicadangkan bahawa SD2 telah keluar dan balik dari tempat membeli makanan sebelum SP22 beredar balik dari rumah OKT. Kenapa OKT begitu berahsia dan H menyimpan pembelaan yang besar ini daripada dijawab sendiri oleh SP22? Jika benar SP22 diberitahu serta ditunjukkan tentang kerosakan pintu gril itu yang telah disedari oleh SD2 selepas beliau balik dari membeli makanan di McDonald dan jika benar SP22 beredar balik ke rumahnya selepas SD2 selesai membeli makanan dan balik ke rumahnya itu, kenapa perkara-perkara ini I tidak diajukan kepada SP22 agar dapat SP22 sahkan perkara ini, atau sekurang-kurangnya melemahkan kes pendakwaan? Kenapa perkara penting sebegini juga tidak ditanyakan kepada pegawai penyiasat kes iaitu SP23?

[126] Dalam hal ini, kegagalan pihak pembelaan menyoal balas saksi-saksi pendakwaan atas perkara yang penting dan 'crucial' tersebut akan terjumlah kepada penerimaan testimoni saksi-saksi itu terutamanya SP22 dan SP23 (rujuk kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212).

[127] Pada pengamatan mahkamah secara keseluruhannya pembelaan OKT ini tidak lain hanyalah satu pembelaan fikir semula ('afterthought') dan juga merupakan suatu keadaan yang disifatkan sebagai ciptaan baru, yang dirujuk di dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561; [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ Rep 285 di mana His Lordship Edgar Joseph Jr SCJ berkata:

> ... that the defence are entitled, through cross-examination of prosecution witnesses to put its case at the earliest possible stage. Indeed, it behoves the defence to do so, for we need hardly say that if a defence is sprung in court for the first time when the accused makes his defence from the witness box or the dock, so that the prosecution is taken by surprise, the accused runs the risk of being criticised for having kept his defence 'up his sleeves', so to speak, and it being branded as a recent invention.

[128] Seterusnya, adalah disepakati dalam undang-undang bahawa pembelaan yang bersifat 'afterthought' adalah tidak boleh diterima oleh mahkamah dan seharusnya ditolak. Sebagaimana diputuskan dalam kes *Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> [63] Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.'

Sama ada SP15 mereka-reka cerita terhadap OKT?

[129] Dalam pembelaan OKT, SP15 juga dikatakan sengaja mereka-reka cerita bahawa dirinya telah dirogol oleh OKT adalah disebabkan kerana SP15 ingin pulang ke negara asalnya dan tidak mahu lagi bekerja dengan OKT. Oleh itu, pembelaan berhujah bahawa SP15 bukan seorang saksi yang kredibel. Mahkamah mendapati soalan-soalan berkenaan perkara ini pernah diajukan kepada SP15 semasa di peringkat kes pendakwaan dan dinafikan sekeras-kerasnya oleh SP15 seperti berikut:

> PB: Setuju dalam tempoh dua bulan kamu bekerja dengan majikan kamu yang kamu panggil 'sir', setuju bahawa kamu sebenarnya nekad tidak mahu bekerja dan mahu pulang ke kampung.
>
> SP15: Tak setuju.

PB: Setuju bahawa kamu tidak suka bekerja di rumah 'sir' kerana kamu rindu ibu kamu di kampung.

SP15: Tidak setuju.

PB: Setuju bahawa kamu menulis banyak perkara dalam diari kamu yang kata kamu rindu kampung.

SP15: Setuju.

PB: Setuju dalam diari kamu juga kamu nyatakan kerana itu kamu mahu balik.

SP15: Tak setuju.

PB: Setuju kamu sanggup buat apa sahaja untuk dihantar balik ke Kampung?

SP15: Tidak Setuju.

[130] Berkenaan ini juga, mahkamah ini mendapati tiada apa-apa keterangan di pihak pembelaan yang boleh menunjukkan SP15 berniat dan melakukan sedemikian (mereka-reka cerita konon dirinya dirogol untuk balik ke negara asalnya). Malah, keterangan saksi-saksi pembelaan menunjukkan keadaan yang sebaliknya. SD2 dalam keterangannya mengesahkan bahawa SP15 telah melakukan kerja-kerja yang diarahkan dengan baik dan SD2 sendiri tidak pernah membuat aduan kepada agensi mengenai masalah dengan tugas yang diberikan kepada SP15. SP15 juga dikatakan telah diberikan layanan yang baik oleh SD2 dan ahli keluarganya.

[131] Malah, SD2 mengesahkan bahawa SP15 diberikan tempat tinggal yang selesa, diberikan akses pada telefon rumah dan diberikan barang keperluan yang mencukupi. Dalam keadaan ini, adalah tidak munasabah untuk mengatakan SP15 tidak gembira dengan kerjanya itu melainkan ada faktor lain yang mendorong SP15 bertindak secara tiba-tiba menghubungi kedutaan Indonesia untuk meminta bantuan yang mana panggilan telefonnya itu telah dijawab oleh SP3 dan kemudiannya atas nasihat SP3, SP15 telah melarikan diri serta meminta pertolongan daripada SP16.

[132] Keterangan SD3 pula yang sepatutnya menyokong kes pembelaan dilihat sebaliknya telah menyokong fakta kes pendakwaan apabila mengesahkan bahawa SP15 dilihat dalam keadaan menangis-nangis telah memberitahunya bahawa beliau ingin pulang ke negaranya kerana terdapat orang jahat. Mahkamah perturunkan keterangan SD3 di ms 600 nota keterangan sebagaimana berikut:

TPR: Setuju ya dan kamu katakan Awang bilang Awang ingin pulang. Setuju?

SD3: Setuju.

TPR: Setuju ya. Ada Awang bagitahu kenapa dia ingin pulang?

SD3: Ya, kerana ada orang jahat katanya itu.

TPR: Dia kata ada orang jahat.

SD3: Dia nangis katanya ada orang jahat. Katanya dia mahu pulang.

TPR: Siapa itu orang jahat Awang ada bagi tahu?

SD3: Tak tahu.

[133] Di ms 602 nota keterangan SD3 mengulangi cerita berkenaan keadaan SP15 itu seperti berikut:

TPR: So Awang tidak ada bagitahu pasal rahsia ke apa ke?

SD3: Tak ada bagitahu rahsia, dia cakap mahu pulang, nangis mahu pulang, ada orang jahat sini, itu ada dia. Tak ada cakap rahsia lain.

[134] Siapakah orang jahat yang disebut-sebut oleh SP15 itu? Walaupun SP15 tidak memberitahu siapa orang jahat itu kepada SD3 dan ibunya, SP15 dalam keterangannya telah menjelaskan bahawa beliau tidak ingin ibunya itu risau. Keterangan SD3 itu telah menyokong fakta kes pendakwaan bahawa sememangnya SP15 ingin pulang ke Indonesia hanya kerana disebabkan selepas kejadian rogol yang dilakukan oleh OKT itu berlaku ke atasnya.

[135] Keadaan SP15 yang dilihat berada dalam keadaan tertekan apabila dikatakan menangis hendak pulang ke negara asalnya dan mengatakan adanya orang jahat itu secara tidak langsung menyokong kejadian rogol yang diceritakan oleh SP15 benar-benar berlaku (rujuk kes *Liew Kim Yong v Public Prosecutor* [1989] 3 MLJ 323; [1989] 2 CLJ 914; [1989] 2 CLJ Rep 819 dan *Public Prosecutor v Emran bin Nasir*).

[136] Seterusnya, setelah meneliti keterangan SP15 berdasarkan soalan utama, soalan balas dan soalan semula, serta juga mengambil kira *demenour* SP15 ketika memberikan keterangannya di mahkamah, mahkamah ini mendapati beliau adalah seorang saksi yang berkredibel, jujur dan bercakap benar. Keterangan beliau ini adalah konsisten, kukuh, probabel dan boleh dikatakan sebagai 'unusually convincing' sehinggalah ada keterangan lain yang boleh menunjukkan sebaliknya (lihat *Public Prosecutor v Mardai* [1950] 1 MLJ 33; [1949] 1 LNS 65 dan *Public Prosecutor v Mohamad Liton Syed Malik* [2008] 5 SLR 1).

[137] Justeru itu, mahkamah ini berpendapat keterangannya boleh berdiri dengan sendirinya tanpa perlunya keterangan sokongan (sedangkan dalam kes ini terdapat beberapa keterangan sokongan telah dikemukakan ketika kes di peringkat pendakwaan) dan tiada alasan untuk mahkamah menolak keterangan SP15. Oleh itu, pembelaan OKT yang mengatakan bahawa SP15

sengaja mereka-reka cerita bahawa dirinya telah dirogol adalah disebabkan kerana SP15 ingin pulang ke negara asalnya didapati tidak berasas dan tidak dapat diterima oleh mahkamah ini.

Sama ada wujud muslihat politik

[138] Pembelaan OKT seterusnya menyatakan bahawa wujudnya muslihat politik yang dirancang untuk menjatuhkan beliau oleh musuh politiknya. Asas pembelaan OKT ini adalah berdasarkan kepada laporan polis D106 yang dibuat oleh YB Dato Ngeh Koo Ham yang mengatakan bahawa orang yang membawa SP15 ke balai polis iaitu SP16 telah diacukan pistol dan diberikan wang sebanyak RM100,000.

[139] Berkenaan ini, mahkamah ini mendapati SP16 dalam keterangannya telah menegaskan bahawa beliau telah difitnah apabila dikatakan telah diacukan pistol dan diberikan wang sebanyak RM100,000 itu. Berikutan itu, SP16 telah membuat laporan polis P58 bagi menafikan perkara tersebut. SP16 turut mengesahkan bahawa apa yang dinyatakan dalam laporan polis D106 itu adalah suatu perkara yang tidak benar. YB Dato Ngeh Koo Ham yang membuat laporan polis D106 itu pula tidak dipanggil untuk mengesahkan kandungan laporan polis itu.

[140] Dalam keadaan ini, mahkamah bersetuju dengan pihak pendakwaan bahawa apa yang terkandung dalam laporan polis itu tidak dibuktikan kebenarannya dan oleh itu, kandungan laporan polis itu tidak mempunyai merit dan merupakan keterangan dengar cakap semata-mata ('hearsay').

[141] Bagi mengaitkan kes ini dengan muslihat politik, pihak pembelaan telah berhujah bahawa kejadian rogol yang diceritakan oleh SP15 ini adalah telah dirancang lebih awal oleh SP15 dan SP16 dengan niat untuk mengenakan OKT. Namun sehingga hari ini, tiada secebis keterangan pun yang boleh menunjukkan bahawa SP15 dan SP16 telah mengenali antara satu sama lain dan merancang bersama-sama untuk mengenakan OKT. Sebaliknya keterangan menunjukkan bahawa SP15 bertemu dengan SP16 secara kebetulan semasa SP15 sedang melarikan diri untuk pergi ke balai polis terdekat bagi meminta pertolongan setelah dinasihatkan untuk berbuat demikian oleh SP3.

[142] Malah, tiada juga apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa SP15 ada berhubung atau berkomunikasi dengan pihak luar atau pihak yang tidak dikenali sepanjang SP15 bekerja dengan OKT. OKT juga dalam keterangannya telah mengakui bahawa OKT sendiri tidak pernah nampak SP15 didatangi oleh mana-mana orang yang tidak dikenali. SD2 juga

dikatakan tidak pernah mengadu atau memberitahu OKT bahawa SP15 ada bercakap dengan jiran atau mana-mana orang yang tidak dikenalinya. Mahkamah ini merujuk keterangan OKT sebagaimana berikut:

TPR: Encik Yong kata ada muslihat politik ya?

SD1: Ya.

TPR: Sepanjang Encik Yong, Awang bekerja dengan Encik Yong ada melihat Awang ini didatangi mana mana individu yang tidak dikenali?

SD1: Saya tak ingat tapi saya sudah kata saya jarang berada di rumah.

TPR: Tak, ada lihat atau tidak ada lihat sahaja.

SD1: Saya jarang di rumah.

TPR: Okay saya tanya ada lihat atau tidak sahaja encik Yong, ada lihat?

SD1: Tidak ada.

TPR: Tidak ada. Ada tak pernah isteri kamu mengadu pada kamu Awang ini ada bercakap dengan orang orang yang tidak dikenali?

SD1: Tak ada.

TPR: Ada isteri kamu beritahu dia pernah melihat Awang bercakap cakap dengan jiran atau orang orang lain yang tidak dikenali di kawasan rumah kamu?

SD1: Tidak ada.

[143] SD2 juga turut mengesahkan bahawa walaupun SP15 diberikan akses pada telefon rumah, namun beliau tidak pernah melihat SP15 menggunakan telefon tersebut. SD2 menjawab seperti berikut:

TPR: Puan juga mengatakan Awang dan siapa siapa sahaja dalam rumah itu ada akses kepada telefon rumah. Betul?

SD2: Ya.

TPR: Puan kata Awang ada akses kepada telefon rumah, betul?

SD2: Ya.

TPR: Walaupun dia ada akses, puan tidak pernah lihat ya dia menggunakan telefon tersebut? Betul? Setuju atau tidak? Pernah lihat atau tidak pernah lihat?

SD2: Tidak pernah lihat.

[144] Mengambil kira faktor sedemikian, maka adalah tidak munasabah untuk mengatakan SP15 berpakat dengan SP16 atau musuh politik OKT sedangkan SP15 disahkan tidak pernah dilihat bergaul dengan orang yang tidak dikenali. Apatah lagi, SP15 baru sahaja pertama kali datang ke Malaysia bekerja dengan OKT selama lebih kurang dua bulan.

[145] Selain itu, mahkamah juga mendapati walaupun OKT menyatakan beliau mempunyai musuh yang dipercayai terlibat dalam muslihat politik untuk menjatuhkannya, namun OKT tidak dapat memberikan apa-apa bukti ataupun maklumat berkenaan mana-mana individu yang dikatakan musuh politiknya yang ingin menganiaya dan menjatuhkannya itu. Malah, tiada apa-apa keterangan dikemukakan yang boleh mengaitkan mana-mana individu yang dikatakan sebagai musuh politiknya itu dengan SP15 atau dengan kes ini. Berikutan itu, adalah sukar untuk mahkamah ini menerima pembelaan yang tidak berasas sebegini (rujuk kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2015] 2 MLJ 293; [2015] 2 CLJ 145).

KESIMPULAN

[146] Mahkamah ini telah merujuk dan mengambil kira prinsip undang-undang yang mantap yang telah dinyatakan oleh Suffian J (pada ketika itu) dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263; [1963] 1 LNS 82 di mana dinyatakan:

> If you accept the explanation given by or on behalf of the accused, you must of course acquit. But this does not entitle you to convict if you do not believe that explanation, for he is still entitled to an acquittal if it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt, as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence you are left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.
>
> The position may be conveniently stated as follows:

If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt.	Convict.
If you accept or believe the accused's explanation.	Acquit.
If you do not accept or believe the accused's explanation.	Do not convict but consider the next steps below.
If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt.	Convict.
If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt.	Acquit

[147] Dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311, Mohd Azmi SCJ bagi pihak Mahkamah Agong telah membuat pemerhatian berikut:

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged.

> There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case ... If defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt. *To earn an acquittal, the Court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice*. (Penekanan ditambah.)

[148] Sehingga pihak pembelaan menutup kes dan pihak-pihak mengemukakan hujahan, didapati tiada apa-apa keterangan di pihak pembelaan yang boleh menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Sebaliknya, pembelaan yang dikemukakan adalah bersifat penafian semata-mata (*bare denial*) dan hanyalah suatu pembelaan yang bersifat pemikiran terkemudian (*afterthought*).

[149] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesemua elemen pertuduhan melalui keterangan saksi-saksi dan disokong juga oleh keterangan dokumen. Manakala pihak pembelaan pula telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan sebagaimana yang digariskan dalam kes *Mat v Public Prosecutor*. Maka dengan itu, mahkamah mensabitkan OKT dengan kesalahan sebagaimana yang dipertuduhkan di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan.

RAYUAN KE ATAS HUKUMAN

[150] Dalam rayuan untuk meringankan hukuman, peguam bela OKT berhujah bahawa OKT berumur 49 tahun ketika kejadian dan selepas tiga tahun perbicaraan berlangsung, beliau kini berusia 52 tahun. Isteri OKT tidak bekerja dan merupakan seorang suri rumah tangga manakala OKT seorang sahaja yang bekerja dan merupakan seorang 'sole breadwinner' dalam keluarga beliau. OKT mempunyai empat orang anak yang masih belajar. OKT juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri DUN Tronoh Perak sehingga sekarang dan telah menjadi ADUN selama sembilan tahun.

[151] Pada masa kejadian, OKT merupakan EXCO Kerajaan Tempatan Perumahan dan Pengangkutan Awam dan kini, beliau ialah Pengerusi Forest Plantation Development Sdn Bhd. Ini merupakan kesalahan pertama OKT dan OKT tidak mempunyai rekod jenayah sebelum ini. Justeru, OKT memohon agar beliau diberi satu hukuman minimum yang diperuntukkan di bawah s 376 Kanun Keseksaan iaitu hukuman penjara dan tanpa sebatan.

[152] Peguam bela OKT memohon supaya mahkamah juga mengambil kira bahawa kes ini tidak melibatkan pertumpahan darah, mangsa bawah umur

mahupun sumbang mahram. Peguam bela OKT juga meminta mahkamah mempertimbangkan bahawa OKT yang telah disabitkan bersalah pada hari ini telah berkhidmat untuk kerajaan selama sembilan tahun sekali gus menabur bakti kepada masyarakat dalam kapasitinya sebagai ahli yang berhormat. Sepanjang sembilan tahun tersebut, OKT telah melakukan banyak kerja-kerja kebajikan dan membantu masyarakat di luar sana.

[153] Pihak pendakwaan pula telah mengemukakan hujahan secara bertulis dan menegaskan bahawa pihak pendakwaan telah memanggil seramai 23 orang saksi pendakwaan dan secara asasnya, semua elemen jenayah telah dibuktikan. Pihak pendakwaan tidak menafikan OKT merupakan pesalah kali pertama dan tidak mempunyai rekod kesalahan lampau. Walau bagaimanapun, dalam menentukan hukuman bagi setiap kesalahan, faktor yang seharusnya dipertimbangkan oleh mahkamah bukanlah satu-satunya faktor kesalahan lampau. Hal ini kerana mahkamah juga wajar mempertimbangkan *nature*, *gravity* dan keseriusan kesalahan yang dilakukan oleh OKT.

[154] Dalam kes ini, kesalahan OKT ialah rogol. Kesalahan rogol merupakan kesalahan yang lebih berat daripada kesalahan pertumpahan darah kerana ia meragut maruah mangsa serta boleh menghantui dan meninggalkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa sepanjang hidup.

[155] Dalam kes ini juga, berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan, ia jelas menunjukkan yang OKT telah merogol mangsa secara paksa. OKT juga telah mengugut dan menimbulkan ketakutan kepada mangsa. Oleh yang demikian, walaupun peguam bela telah menghujahkan tentang kebajikan-kebajikan yang telah dilakukan oleh OKT, mahkamah tidak harus mengambil kira kepentingan OKT semata-mata kerana mahkamah juga perlu mempertimbangkan kepentingan mangsa dan kepentingan awam.

[156] OKT seharusnya perlu menunjukkan contoh teladan yang baik. Waluapun tidak dinafikan bahawa OKT telah melakukan banyak kerja kebajikan, tetapi OKT juga telah menjatuhkan maruah seseorang sekali gus mencemarkan namanya sebagai seorang pemimpin. Maka, hukuman yang patut dikenakan bukan sahaja satu hukuman kepada OKT tetapi hukuman ini juga bertujuan untuk memberi tauladan kepada masyarakat agar tidak mencontohi jenayah yang dilakukan oleh OKT.

[157] Pihak pendakwaan juga memohon kepada mahkamah supaya memperhitungkan mangsa dalam kes ini yang merupakan warga Indonesia dan telah datang untuk mencari rezeki secara berseorangan. Akan tetapi, beliau telah dianiaya dan diragut maruahnya semasa mencari rezeki yang halal di negara ini. Justeru, pihak pendakwaan memohon kepada mahkamah supaya

mengambil kira *judicial notice* akan kes-kes rogol yang semakin berleluasa yang mana pelakunya terdiri daripada berbagai-bagai pihak seperti remaja, orang dewasa dan pemimpin. Hal ini selari dengan peningkatan teknologi yang sedia ada, penggunaan media massa dan penyalahgunaan bahan-bahan terlarang. Kes-kes sebegini justeru dilihat semakin meningkat dari sehari ke sehari.

[158] Oleh itu, pihak pendakwaan memohon kepada mahkamah supaya menjatuhkan hukuman berat yang berbentuk 'deterrent' untuk menunjukkan bahawa pihak kehakiman mengambil serius dalam menangani jenayah seksual yang semakin berleluasa.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN HUKUMAN

[159] Dalam menjatuhkan hukuman mahkamah telah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315; [1981] 1 LNS 28 di mana telah diputuskan bahawa:

> 'sentence according to law' means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section, but it must also be assessed and passed in accordance with established judicial principles ...

[160] Mahkamah juga merujuk kepada kes *R v Kenneth John Ball* [1951] 35 Cr App R 164 dimana mahkamah telah menyatakan:

> ... Our law does not therefore fix the sentence for a particular offence but it fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular, the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe.

[161] Dalam menjatuhkan hukuman, mahkamah telah akur dengan prinsip bahawa hukuman yang di jatuhkan perlu berbentuk deteren dan membawa kesedaran kepada seseorang tertuduh dan juga kepada sesiapa yang ingin mengulangi kesalahannya (*R v Kenneth John Ball* [1951] 35 Cr App R 164).

[162] Mahkamah faham mengenai objektif hukuman dan akur dengan proposi undang-undang bahawa sesuatu hukuman hendaklah setimpal ('proportionate') dengan keseriusan kesalahan yang dilakukan dan tahap ('degree') kebertanggungjawaban pesalah atau pesalah-pesalah (*Public Prosecutor v Abdul Halim bin Ishak & Anor* [2013] MLJU 821; [2013] 9 CLJ 559).

[163] Konsep kesetimpalan ('proportionality') ini, antara lain, telah dijelaskan oleh Mahkamah Agung Kanada dalam kes *R v Ipeelee* 2012 SCC 13; [2012] 1 SCR 433, apabila Le Bel J berkata di perenggan 37 seperti berikut:

> Proportionality is the *sine qua non* of a just sanction. First, the principle ensures that a sentence reflects the gravity of the offence. This is closely tied to the objective of denunciation. It promotes justice for victims and ensures public confidence in the justice system ... Second, the principle of proportionality ensures that a sentence does not exceed what is appropriate, given the moral blameworthiness of the offender. In this sense, the principle serves a limiting or restraining function and ensures justice for the offender. In the Canadian criminal justice system, a just sanction is one that reflects both perspectives on proportionality and does not elevate one at the expense of the other.

[164] Sejajar dengan konsep 'kesetimpalan hukuman' adalah tugas mahkamah untuk memberi pertimbangan saksama kepada faktor-faktor pemberatan ('aggravating factors') dan faktor-faktor peringanan ('mitigating factors') dalam menjatuhkan hukuman yang sesuai terhadap pesalah atau pesalah-pesalah, dimana suatu imbangan yang adil perlu dibuat antara faktor-faktor tersebut.

[165] Pendekatan ini bukanlah merupakan sesuatu yang baru. Di dalam kes *Yusmarin bin Samsudin v Public Prosecutor* [1999] 4 MLJ 625; [1999] 4 CLJ 391 Siti Norma Yaakob HMR (sebagaimana beliau ketika itu) menyatakan:

> The principles of sentencing have long been entrenched and well settled in our criminal law jurisprudence and a court seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following considerations:
>
> (1) the extent and seriousness of the offence committed;
>
> (2) the guilty person's antecedents; and
>
> (3) the public interest.

[166] Di dalam menjatuhkan hukuman, mahkamah ini telah merujuk kepada kes *Tuan Mat bin Tuan Lonik v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 81; [2009] 4 CLJ 638 di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

> [14] The concept of retribution akin to tooth for a tooth normally takes front stage if the offence is considered an offence against a member of the public, especially here when a step daughter has been raped repeatedly since of tender age. Due to the special relationship here between the victim and the appellant let alone the rape incidents were repeatedly carried out until an illegitimate child was born the demand to satisfy society's needs to avenge the wrongful act of the appellant must take centre stage.

[167] Dalam buku *Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes* (27th Ed), di ms 1728–1729, mengenai hukuman dalam kes jenayah seksual, penulis telah menyatakan seperti berikut:

Sentence — sexual violence apart from being a dehumanising act is an unlawful intrusion of the right to privacy and sanctity of a female. It is a serious blow to her supreme honour and offends her self-esteem and dignity — it degrades and humiliates the victim and where the victim is a helpless innocent child, it leaves behind a traumatic experience. The courts are, therefore, expected to deal with cases of sexual crime against women with utmost sensitivity. Such cases need to be dealt with sternly and severely. A socially sensitised Judge is a better statutory armour in cases of crime against women than long clauses of penal provisions, containing complex exceptions and provisos.

[168] Pada hemat mahkamah kejadian yang menjadi asas kepada pertuduhan yang di hadapi oleh OKT di mahkamah ini memerlukan suatu hukuman yang berat, yang benar-benar memberi pengajaran kepada OKT dan juga sebagai amaran bahawa sesiapa yang melakukan perbuatan keji seperti ini, akan menerima padahnya. OKT sebagai majikan sepatutnya memberi perlindungan kepada pekerjanya iaitu SP15 yang merupakan warganegara asing. Akan tetapi OKT telah bertindak tanpa perikemanusiaan. OKT menjadi perosak masa depan mangsa semata-mata kerana memenuhi nafsu serakahnya. Harapkan pagar, pagar makan padi.

[169] Dalam mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan, mahkamah sedar bahawa kepentingan awam seharusnya mengatasi kepentingan individu. Dalam kontek kes ini, mahkamah ini telah pun mengambil kira kepentingan awam dalam pertimbangan sebagaimana yang ditekankan dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102. Namun begitu, mahkamah juga tidak terlepas pandang daripada mempertimbangkan faktor mitigasi yang telah dikemukakan oleh peguam bela OKT.

[170] Terdapat beberapa faktor untuk 'support a plea for leniency'. Walau bagaimanapun mahkamah ini mesti mengimbangkan faktor untuk 'leniency' dengan faktor 'severity'. Di dalam kes *Low Oi Lin v Rex* [1949] 1 MLJ 210b, mahkamah telah menyatakan,

... that there are factors such as prevalence, difficulty of detection and injury to public revenue which operate in the direction of severity and others such as leniency to first offenders which operate in the other direction and where as frequently happens a number of these factors applied in one case. The court must balance them as best as it can. Among the factors more commonly advanced are age, antecedence, family hardship, conduct subsequent to the offence, impact of conviction, health, and delay in disposal of cases.

[171] Akan tetapi, mahkamah perlu memainkan peranan yang sewajarnya bagi memastikan kesalahan seperti ini tidak terus berleluasa dengan menjatuhkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan

agar menjadi satu, 'deterrence' kepada mereka yang mempunyai keinginan untuk melakukan kesalahan yang serupa.

[172] Walaupun di dalam kes semasa OKT tiada rekod lampau pada hemat mahkamah di dalam kes-kes seperti ini kepentingan awam melampaui kepentingan tertuduh dan mewajarkan hukuman yang berat sebagai pengajaran dan teladan kepada masyarakat. Disini saya merujuk kepada suatu kes *Public Prosecutor v Leo Say* [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ Rep 683 di mana YA Hakim NH Chan J menyatakan seperti berikut:

> ... The fact that a man has not much of a criminal record or none at all, is not a powerful factor to be taken into consideration in a case of such gravity ... Although all the three accused persons pleaded guilty and they are entitled to some credit for that, it must be set aside against the enormity and seriousness of the crime that they have committed.

[173] Mahkamah dalam membuat keputusan juga telah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Mohd Musa bin Ahmad* [2013] 8 MLJ 466; [2013] 5 CLJ 921 dimana YA Hakim Samsuddin Hassan J menyatakan seperti berikut:

> It is incumbent upon a judge to impose a just and appropriate sentence in rape cases to inspire the public confidence in the rule of law. The judge's duty to uphold the rule of law is of particular importance when the judge is dealing with the laws which protect the community from crime, such as rape cases. In this context the judge's preliminary responsibility is the protection of the public. The community must be protected from crime, and where the exercise of this responsibility arises, the judge should have public protection at the forefront of his mind.

[174] Di dalam kes *Safae Ing lwn Pendakwa Raya* [2006] 5 MLJ 698; [2006] 6 CLJ 125 mahkamah telah membuat observasi berikut:

> ... Dalam penghakiman saya, kepentingan awam menuntut supaya hukuman yang memperlihatkan kutukan masyarakat terhadap kesalahan-kesalahan yang tersebut dijatuhkan untuk menjadi amaran yang nyata bahawa sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan rogol seperti dalam kes ini akan menerima padahnya hukuman yang paling berat menanti mereka. Kesalahan rogol itu sendiri memanglah satu perbuatan yang amat keji dan terkutuk. Kesalahan itu menjadi lebih buruk lagi kerana ianya telah dilakukan oleh perayu, yang bukanlah seorang muda yang belum berkahwin dan tidak pernah merasakan kenikmatan hubungan suami isteri.

[175] Di dalam kes semasa OKT seorang lelaki yang telah berumahtangga dan mempunyai anak-anak sendiri tetapi masih tidak dapat mengawal nafsunya. Adakah wajar untuk menjatuhkan hukuman yang seringan-ringannya? OKT seorang yang telah menikmati hubungan seksual di dalam perkahwinan, hendaklah dihukum dengan lebih berat. Perkara ini telah disentuh oleh Hakim Ahmad Maarof di dalam kes *Amran bin Ahmad lwn Pendakwa Raya* [2006] 5 MLJ 486; [2006] 2 CLJ 897:

Kesalahan itu menjadi lebih berat dan buruk lagi kerana ianya dilakukan oleh perayu, yang bukanlah seorang yang belum berkahwin dan tidak pernah merasakan kenikmatan hubungan suami isteri. Pada masa yang material perayu masih mempunyai isteri (kakak SP8) dan mempunyai tiga orang anak. Pada hemat saya, kesalahan rogol yang dilakukan oleh perayu dalam keadaan kes ini adalah satu contoh kesalahan rogol yang paling buruk yang boleh dihukum di bawah s 376 Kanun Keseksaan.

[176] Mahkamah telah membuat pertimbangan yang sewajarnya tentang semua faktor-faktor di atas dan berpandangan bahawa peranan yang wajar perlu dimainkan oleh mahkamah untuk memastikan kesalahan-kesalahan seperti didalam kes ini tidak berleluasa. Mahkamah bertanggungjawab untuk memastikan hukuman yang bakal di berikan memberi amaran kepada mereka yang ingin melakukan perkara yang sama di mana kes-kes seumpama ini semakin meningkat.

[177] Kesalahan rogol di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan adalah satu kesalahan yang berat dan serius berdasarkan kepada tempoh hukuman yang diperuntukkan iaitu hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebat. Mahkamah telah mengambil maklum peruntukkan di bawah s 289 Kanun Tatacara Jenayah seperti berikut:

289 Sentence of whipping forbidden in certain cases No sentence of whipping shall be executed by instalments, and none of the following persons shall be punishable with whipping:

(a) females;

(b) males sentenced to death;

(c) males whom the Court considers to be more than fifty years of age, except males sentenced to whipping under section 376, 377C, 377CA or 377E of the Penal Code.

[178] Mahkamah juga telah merujuk kepada kes *Osman bin Maimo v Public Prosecutor* [2019] 1 LNS 2025 dimana OKT berusia 58 tahun telah dituduh untuk dua pertuduhan di bawah s 377B Akta 574 dan Mahkamah Tinggi telah mengekalkan keputusan hakim mahkamah sesyen yang telah menjatuhkan hukuman penjara sepuluh tahun untuk setiap pertuduhan dan hukuman berjalan berasingan. Manakala 20 sebatan rotan yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen tersebut telah dikurangkan kepada tiga sebatan sahaja.

[179] Berdasarkan peruntukan undang-undang dan nas di atas membenarkan mahkamah ini menjatuhkan hukuman sebat walaupun OKT sudah melebihi umur 50 tahun. Di dalam kes ini jenayah yang OKT telah lakukan terhadap mangsa adalah satu jenayah yang 'heinous'. OKT telah 'inflicted violence and perpetual pain upon the victim and destroyed her self-worth!'. Oleh yang

demikian, hukuman yang wajar selain dari pemenjaraan adalah menjatuhkan hukuman sebat supaya memberi pengajaran kepada OKT dan bakal penjenayah seksual untuk tidak melakukan jenayah seksual tersebut.

[180] Mengikut s 288(5) Kanun Tatacara Jenayah, hukuman sebat yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah 'shall not, exceed a total number of twenty-four strokes in the case of adults'. OKT di dalam kes ini berumur 51 tahun sepuluh bulan, maka mahkamah berpaksikan kepada prinsip keadilan dan bukan atas prinsip 'an eye for an eye' or vengeance'.

Mahkamah perlu bertindak tegas dengan menunjukkan 'disapproval by acknowledging that offences of this kind are grave and serious and that those who indulge in them must expect a severe sentence'. Mahkamah harus melindungi masyarakat dari kecenderungan melakukan jenayah seumpama ini yang boleh membahayakan, mengganggu keharmonian masyarakat.

[181] Dengan mengambil kira faktor-faktor pertimbangan yang dinyatakan di atas, maka, mahkamah ini menjatuhkan hukuman penjara selama 13 tahun dan dua sebatan ke atas OKT bagi pertuduhan tersebut.

[182] Mahkamah berpendapat dan berpuashati bahawa hukuman penjara dan hukuman sebatan yang telah di jatuhkan adalah adil, wajar dan saksama. Keputusan mahkamah telah dibuat setelah mahkamah mempertimbangkan prinsip undang-undang yang berkaitan dan berpandukan alasan-alasan yang telah dinyatakan diatas.

Tertuduh disabitkan dengan kesalahan sebagaimana pertuduhan; dan dijatuhkan hukuman penjara 13 tahun dan dua sebatan.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh